

ARLIMEN MALAYSIA

mm

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA P ARLIMEN
KEDUABELAS 2012

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARIRABU: 13 JUN 2012

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO : 7
HINGGA 111)

NOTA : JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6
JAWAPAN-JAWAPAN JAWAB LISAN SERENTAK 3,19,22,24,32 & 47
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

r

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]
Tarikh Menjawab	12 Jun 2012 [Selasa]
Soalan	No. 7

PR-1252-L49584

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan masa depan industri minyak sawit negara, jumlah ladang dibangunkan sehingga kini dan sasaran untuk dibangunkan menjelang tahun 2020.

r

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, industri sawit negara merupakan sektor yang amat cerah masa depannya. Ini kerana permintaan yang sentiasa meningkat selari dengan pertumbuhan penduduk dunia, dan kepelbagaian penggunaanya samada untuk makanan atau bukan makanan. Dengan keyakinan ini Kerajaan mengambil pelbagai inisiatif melalui mentransformasikan ekonomi negara dengan mewujudkan *National Key Economic Area* - NKEA di mana sektor sawit merupakan salah satu daripada 12 bidang ekonomi yang telah dikenalpasti untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (GNI) kepada RM178 billion menjelang tahun 2020. Sebagai contoh, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.03 billion untuk penanaman semula dan penanaman baru sawit oleh pekebun kecil bagi tempoh 2011 - 2013.

Pada tahun 2011, jumlah keluasan sawit telah mencapai 5 juta hektar dan dijangka akan meningkat tidak melebihi daripada 6 juta hektar pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui penyelidikan akan meingkatkan pengeluaran tanpa pertambahan keluasan tanaman yang banyak. Antaranya ialah penggunaan klon berhasil tinggi, penggunaan baja yang seimbang dan optimum serta pengurusan ladang mengikut amalan pertanian baik (GAP).

Industri ini telah menyumbang sebanyak RM83.4 bilion kepada pendapatan eksport negara pada tahun 2011. Jumlah ini merupakan 12.0% daripada jumlah keseluruhan eksport negara iaitu sebanyak RM694.6 bilion. Sumbangan industri sawit kepada pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan terus positif berdasarkan kepada keadaan pasaran dan harga global yang memberangsangkan. Eksport minyak sawit Malaysia dijangka akan meningkat kepada 23.5 juta tan menjelang tahun 2020.

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga kini, Malaysia telah mengeksport produk-produk berasaskan sawit ke lebih daripada 150 buah negara. Menjelang tahun 2020, pasaran sawit dijangka adalah tertumpu kepada negara-negara di rantau Amerika Tengah (Costa Rica, Guatemala, Honduras, Panama) dan Amerika Selatan (Argentina, Brazil, Colombia, Peru, Chile) serta negara-negara "*Commonwealth of Independent States/CIS* (Rusia, Ukraine, Kazakhtan, Uzbekistan).

Hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D), produk-produk berasaskan sawit terbaharu yang berjaya dihasilkan adalah seperti minyak masak Novelin, *palm-based mozzarella cheese* dan santan kelapa sawit. Produk-produk ini, akan menambah nilai minyak sawit.

SI DANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]
TARIKH	12 JUN 2012
SOALAN	8

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan statistik kecenderungan remaja khususnya dan rakyat Malaysia amnya yang mungkin boleh diukur daripada lawatan mereka ke Pusat Sains Negara, Pusat Remote Sensing Negara, Agensi Angkasa Negara dan Agensi Nuklear Malaysia atau program anjuran Kementerian sempena promosi Tahun Sains dan Gerakan Inovasi.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 (SGI2012) adalah program nasional bermatlamat menggerakkan agenda pembangunan negara menerusi pembudayaan sains dan inovasi di kalangan rakyat Malaysia. Sejumlah 397 program dan aktiviti SGI2012 telah dan akan dijalankan ke seluruh negara untuk masyarakat awam dan kumpulan sasaran iaitu pelajar dan belia. Program dan aktiviti bersifat interaktif dan aplikasi supaya ia memberi impak untuk jangka panjang.

Sehingga kini, sambutan amat menggalakkan terus diterima terutamanya daripada golongan remaja dan belia. Di bawah program induk SGI2012 yang telah dijalankan iaitu Majlis Pelancaran Logo dan Lagu SGI2012, Majlis Perasmian SGI2012, Karnival Sains dan Inovasi Zon Timur dan Zon Sabah 2012, sejumlah 7,797 orang atau 25.89% pengunjung terdiri daripada golongan remaja. Manakala sejumlah 12,752 orang atau 42.34% daripada jumlah pengunjung adalah daripada golongan belia, 1,670 orang kanak-kanak (7 tahun ke bawah) dan 7,900 orang daripada golongan berumur melebihi 40 tahun.

Seiring dengan SGI2012, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut memantapkan program menerusi infrastruktur sedia ada seperti berikut:

- (a) Pusat Sains Negara (PSN) telah melaksanakan lebih 30 program seperti kelana sains, demonstrasi sains, cuti-cuti di PSN, pameran *Encyclopedia of the Actroid* dan *Dinosaurs Live!*. Sejumlah 228,459 orang telah terlibat di dalam program anjuran PSN iaitu 32% atau 77,093 orang adalah remaja.

Penglibatan PSN di Karnival Sains dan Inovasi, SGI2012 juga menerima seramai 7,300 pengunjung di mana hampir 50% (3,600 orang) adalah remaja. Manakala program *Family Innovation Movement* (FIM) pula melibatkan 37.5% peserta remaja.

- (b) Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah menerima sebanyak 16 lawatan berkumpulan dengan jumlah pelawat seramai 619 orang pada lima (5) bulan pertama 2012 yang terdiri daripada 71% golongan belia dari penuntut IPT, pegawai dan kakitangan kerajaan

sebanyak 21% manakala selebihnya adalah remaja sebanyak 8% yang terdiri daripada pelajar sekolah. Penglibatan ARSM di 11 buah pameran pada tahun 2012 sempena SGI2012 juga telah dikunjungi 60% golongan remaja dan 40% golongan belia dan orang awam.

- (c) Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) melalui aktiviti kesedaran ilmu sains angkasa di Planetarium Negara telah menerima sejumlah 149,425 pengunjung pada tahun 2011 dan 50,737 pengunjung pada lima (5) bulan pertama 2012. Dianggarkan pengunjung golongan kanak-kanak adalah sebanyak 30%, golongan remaja adalah sebanyak 60% dan pengunjung luar negara sebanyak 10%.
- (d) Melalui lawatan ke Agensi Nuklear Malaysia, pada tahun 2011, direkodkan seramai 5,991 pelawat berbanding seramai hanya 4,626 pelawat pada tahun 2005, yang majoritinya adalah pelajar-pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi. Melalui Program Siri Jelajah Malaysia: I Love Nuclear yang dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia, secara purata, sebanyak 80% daripada 4,000 responden, dalam lingkungan umur 20 hingga 50 tahun telah menyokong penggunaan teknologi nuklear dalam bidang perindustrian, pertanian, perubatan dan tenaga elektrik.

Selain daripada itu, program dan aktiviti SGI2012 turut dilaksanakan dan dipergiatkan oleh MOSTI dan rakan-rakan strategik yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan, swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan dalam usaha menyeramakkan pembudayaan sains dan inovasi di kalangan rakyat Malaysia.

Berasaskan kepada butiran dan trend yang diperolehi kecenderungan dan minat belia khasnya remaja terhadap sains meningkat daripada tempoh sebelumnya. Kerajaan melalui pelbagai Kementerian seperti MOSTI dan agensi-agensi berkaitan akan terus berusaha untuk mendedahkan kepada golongan belia dan remaja potensi serta tarikan bidang pelajaran sains agar mereka terdorong untuk menerajui kemahiran dan penglibatan bidang sains dan teknologi.

SOALANNO: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

TARIKH: 12JUN2012

SOALAN:

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan secara terperinci apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan dalam program "Strategy Action Youth 1 Malaysia" atau "SAY 1 Malaysia" dalam menyediakan latihan kemahiran belia yang terkeluar dari sistem pendidikan negara.

PR-1252-L50910

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa pembentangan Bajet 2012, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan kerajaan akan memperuntukkan RM200 juta

untuk pelaksanaan latihan kemahiran kepada golongan belia yang tidak dapat meneruskan pengajian persekolahan iaitu melalui program strategic untuk Belia 1 Malaysia ataupun *Strategic Action for Youth* yang dinamakan SAY 1 Malaysia.

2. Program ini akan menawarkan pelbagai latihan kemahiran yang akan dikendalikan di institusi-institusi latihan kerajaan yang bertauliah seperti kolej komuniti, Institusi Kemahiran Mara, Institut Latihan Belia Negara , Institut Latihan Perindustrian dan lain-lainnya yang mana latihan praktikal akan melibatkan GLC dan juga syarikat-syarikat swasta supaya apabila tamat latihan kelak mereka akan terus diserapkan dalam pekerjaan.

3. Kementerian Sumber Manusia telah dilantik oleh Kementerian Kewangan untuk menyelaras dan melaksanakan program ini dan ia melibatkan lapan kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Sehingga 30 April 2012, kementerian telah menerima sejumlah 338 cadangan kursus dan program latihan yang bakal memberi faedah kepada 41,613 belia di Negara ini. Kursus-kursus ini akan dilaksanakan apabila peruntukan daripada Kementerian Kewangan diterima. Pelaksanaan program ini adalah terbuka kepada semua kaum tanpa mengira penetapan kuota di kalangan golongan belia yang tidak mendapat peluang meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Antara langkah yang dilaksanakan ialah dengan mengurus perdana dan memperkasa bidang kemahiran khususnya memberikan peluang kepada semua belia di Negara ini melalui program-program latihan kemahiran yang meliputi bidang teknikal dan vokasional yang

berkemahiran tinggi, Pada masa ini, kapasiti pusat-pusat latihan

keseluruhannya di Negara boleh melatih lebih daripada 270,000 orang yang dilaksanakan menerusi kolej komuniti, Politeknik, teknikal, institut-institut latihan kemahiran yang ada. Terdapat sebanyak 363 buah pusat latihan kemahiran bertauliah dan kerajaan juga mentauliahkan pusat-pusat latihan swasta sebanyak 667 buah. Keseluruhan pusat-pusat latihan ini adalah sebanyak 1,030 buah dimana bawah KSM, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) telah dapat melatih 20,000 orang dalam masa satu tahun.

5. Kerajaan akan terus melatih orang-orang muda di Negara ini kekal menjadi tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, yang diperlukan oleh Negara. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melatih tenaga kerja sekarang ke tahap berkemahiran tinggi yang sekurang-kurangnya memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dan Kelulusan-kelulusan yang sama tarafnya melalui kolej komuniti dan lain-lain institusi.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Menjelang tahun 2020 tenaga kerja berkemahiran tinggi di negara ini yang pada masa ini hanya di tahap 28% akan dapat dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya 45% supaya dapat mencapai tahap negara berpendapatan tinggi dengan adanya tenaga kerja yang produktif, berdaya saing dan berpengetahuan.

SOALAN NO: 2#

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

~~23~~ 10

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI PENERANGAN,
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- (a) apakah jumlah kos dan pelan tindakan yang akan diambil berhubung peningkatan penembusan kemudahan internet di Sabah. Minta Kementerian juga nyatakan secara spesifik peringkat-peringkat penambahbaikan dan jangka masa yang akan diambil untuk mencapai peningkatan sepenuhnya; dan
- (b) adakah sebarang pelan untuk meliberalisasikan pembekal-pembekal perkhidmatan internet jika mereka yang berkhidmat sekarang gagal memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), antara usaha yang telah dandeng dilaksanakan adalah pe
pembinaan menara telekomunikasi (Time 3), Pusat Jalur Lebar Komuniti

SOALAN NO: 23

(PJK), Perpustakaan Jalur Lebar (PJL), Mini PJK dan Kampung Tanpa Wayar (KTW). Selain itu, rangkaian teras berasaskan fiber optik akan dinaik taraf di bawah peruntukan RMKe-10 bertujuan untuk meluaskan lagi liputan jalur lebar terutamanya ke kawasan-kawasan pedalaman di samping memperbaiki kualiti perkhidmatan. Kerajaan berusaha untuk menaikkan kadar penembusan jalur lebar di Sabah dan Sarawak sekurang-kurangnya 50% penembusan.

Setakat 21 Mei 2012, kadar penembusan jalur lebar di peringkat kebangsaan adalah sebanyak 63.4% bersamaan dengan 4.2 juta langganan isi rumah daripada jumlah keseluruhan sebanyak 5.7 juta langganan jalur lebar. Bagi Negeri Sabah, kadar penembusan jalur lebar yang dicatatkan adalah 33%.

Pada masa ini, terdapat persaingan yang sihat di kalangan pemberi perkhidmatan internet. Pengguna mempunyai banyak pilihan untuk memilih pemberi perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan yang memuaskan. Mereka juga boleh memilih pakej yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan masing-masing. Setakat 31 Mei 2012, terdapat lebih 80 pemegang lesen kelas pemberi perkhidmatan aplikasi telah didaftarkan bagi memberikan perkhidmatan capaian internet kepada pengguna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD.
TARIKH	ZIN 12 JUN 2012 (SELASA)
SOALAN	NO. 11

Dato" Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilakah tarikh sebenar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Besut dijangka siap dan berapakah fakulti yang akan beroperasi di UniSZA Kampus Besut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Besut dijangka siap pada Ogos 2012. Ia akan menempatkan tiga (3) buah fakulti pengajian iaitu Fakulti Pertanian dan Bioteknologi, Fakulti Teknologi Makanan dan juga Fakulti Informatik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

DARIPADA
TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN **12**

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kos perbelanjaan dan status prestasi sistem kawalan udara yang menggunakan sistem Human Machine Interface yang dinaik taraf oleh Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn. Bhd. (AAT). Nyatakan sama ada sistem tersebut menepati piawai antarabangsa dan berjalan lancar.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, kos perbelanjaan sistem kawalan udara yang menggunakan *Human Machine Interface* secara keseluruhannya adalah sebanyak EURO(€)26,050,000.00 (atau bersamaan RM 128,426,500.00). Manakala status prestasi sistem tersebut berada di tahap yang baik di mana sehingga kini belum terdapat sebarang insiden yang disebabkan oleh sistem ini.

Berhubung dengan pertanyaan sama ada sistem tersebut menepati piawai antarabangsa dan berjalan lancar, sistem yang dibekalkan oleh pihak kontraktor tersebut adalah memenuhi piawaian dan amalan yang disyorkan oleh badan kawalan selia penerbangan antarabangsa iaitu *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dan ianya berjalan dengan lancar.

SOALAN NO.: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA : LISAN
YB. TUAN DING KUONG HUNG SARIKEI
: KAWASAN :
TARIKH : 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN:

YB. TUAN DING KUONG HUNG (**SARIKEI**) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini dan rancangan Kerajaan Persekutuan mengambil alih Jambatan Lanang yang sedang diurus dan tol dikutip oleh pihak swasta. Ini adalah untuk meringankan beban petani-petani dari kawasan Sarikei yang perlu menghantar hasil tanaman mereka untuk dijual / diborong di Sibu setiap hari.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Jambatan Batang Rajang Hulu Lanang, Sarawak adalah merupakan projek Kerajaan Negeri Sarawak yang dibina menerusi kaedah konsesi penswastaaan. Jambatan sepanjang 1.2 kilometer itu telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas pada 11 April 2006. Menerusi perjanjian konsesi yang dimeterai dengan Kerajaan Negeri, syarikat konsesi berkenaan dibenarkan untuk mengutip tol di jambatan tersebut untuk tempoh selama 30 tahun. Sehubungan itu, cadangan pengambilalihan jambatan tersebut adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Fusat memandangkan sehingga kini jalan dan jambatan tersebut tidak diwartakan sebagai Jalan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

t

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 12JUN2012

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah tabung berhenti kerja sementara dapat dilaksanakan dan kumpulan pekerja manakah yang layak mendapat faedah ini.

PR-1252-L49332

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang menjalankan kajian terperinci mengenai pelaksanaan Skim Insurans Pemberhentian Kerja (SIPK).
2. Bagi tujuan kajian SIPK ini, KSM telah melantik perunding daripada *International Labour Organisation* (ILO) untuk menjalankan kajian terperinci pelaksanaan sistem ini menekankan kepada konsep caruman bersama pihak majikan dan pekerja. Kajian tersebut telah dimulakan pada bulan Februari 2012 dan jangka masa kajian adalah selama 8 bulan melibatkan penyertaan penuh perwakilan agensi- agensi Kerajaan yang berkaitan, pertubuhan

majikan, kesatuan sekerja dan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Kajian ini akan menentukan skop perlindungan, cakupan dan jenis pekerja yang akan dirangkumi, kadar caruman, jumlah serta kaedah pembayaran faedah dengan mengambil kira faktor-faktor seperti keadaan ekonomi negara, daya persaingan industri negara, tahap produktiviti serta memastikan para pekerja yang diberhentikan mendapat perlindungan dan bantuan kewangan yang sewajarnya sehinggalah mereka memperolehi pekerjaan yang tetap.

<m(11-28 Jun 2012)Has...29.S. 12fj4.6duC(afiSaniL49332

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA DATIN LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN 15

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah kedudukan penaikan taraf Lapangan Terbang Sandakan yang telah dicadangkan.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu Sapi, buat masa ini, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Sandakan.

SOALAN NO. : 16
DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]

TARIKH : 12JUN2012

SOALAN

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kejadian banjir kilat yang kerap berlaku di pusat bandar dan kawasan sub urban dapat ditangani dengan kadar segera dan berapakah anggaran kos projek terbabit.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah khusus yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk mencegah dan mengatasi berlakunya banjir / banjir kilat adalah seperti berikut:

Penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir dan Pelan Induk Saliran Bandar untuk diguna pakai dan dijadikan panduan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk semua jenis pembangunan. Ia termasuk Penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir bagi lembangan sungai dan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra alam di bandar-bandar utama;

Melaksanakan langkah struktur seperti menaik taraf dan melaksanakan infrastruktur tebatan banjir seperti sistem saliran, lencongan, kolam-kolam takungan banjir, empangan tebatan banjir, membina benteng banjir, menggantikan struktur-struktur di saluran utama yang menghalang air dan membina rumah pam;

Melaksanakan langkah bukan struktur seperti ramalan banjir (flood forecasting) dan sistem amaran awal banjir termasuk infrastruktur rangkaian sistem telemetri hujan dan aras air, siren dan papan amaran banjir untuk menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh

bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat

dilaksanakan dengan lebih berkesan;

- iv. Mengenal pasti kawasan yang sering dilanda banjir dan mengkaji punca-punca banjir serta menyediakan Peta Hazad Banjir (Flood Hazard Map);
- v. Menguatkuasakan perundangan pembangunan melalui persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pemaju projek mematuhi Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (Erosion and Sediment Control Plan - ESCP) yang disediakan oleh pihak JPS;
- vi. Menggalakkan penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH). Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-64 (MNKT Ke-64) pada 23 Mei 2011 mewajibkan penggunaan SPAH pada rumah banglo, rumah berkembar dan bangunan berasingan termasuk bangunan Kerajaan dan swasta yang mempunyai keluasan bumbung sama atau melebihi 100 meter persegi; dan
- vii. Mengurangkan kawasan tidak telap air dengan menggalakkan penggunaan bahan-bahan telap air seperti di tempat meletak kenderaan, di padang permainan, sekitar kawasan kediaman dan jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 17 Kajian Pelan Induk Saliran Bandar / Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam telah dilaksanakan bagi mengenal pasti punca-punca banjir kilat di beberapa bandar utama negara. Berdasarkan hasil kajian-kajian

tersebut, sebanyak RM 11.55 bilion diperlukan untuk melaksanakan projek-projek bagi mengatasi masalah banjir kilat di bandar-bandar berkenaan. Hasil dan syor kajian-kajian ini telah diedarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat untuk tindakan selanjutnya. Dalam hubungan ini, peranan PBT amat penting dalam mengenal pasti kawasan parit dan longkang yang berisiko tinggi yang boleh menyebabkan kejadian banjir, di samping menyelenggarakan sistem perparitan dalaman agar ia bebas daripada sampah sarap supaya aliran air tidak tersekat.

Sekian, terima kasih.

Soaian No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA]
TARIKH	12 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah tahap pelaksanaan projek pembangunan sekolah menengah baru di kawasan Keramat Wangsa, Parlimen Setiawangsa ketika ini dan bagaimanakah Kementerian berhasrat untuk menentukan isu-isu pembangunan sekolah tersebut akan dapat diselesaikan memandangkan ianya adalah sebuah projek yang amat diperlukan pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Status pelaksanaan projek pembinaan SMK Bukit Setiawangsa, sehingga Mei 2012 adalah pada tahap 5.8 peratus berbanding yang dijadualkan iaitu 10.16 peratus. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan projek SMK Bukit Setiawangsa adalah kerana keadaan muka bumi yang berbukit tinggi dan berbatu yang membawa kepada perubahan reka bentuk sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada asalnya reka bentuk bangunan adalah ' high rise' setinggi 6 tingkat yang mengandungi 36 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Namun setelah diteliti dan mengambilkira faktor keadaan muka bumi di kawasan tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memutuskan untuk membina bangunan sekolah setinggi 4 tingkat sahaja dengan 24 bilik darjah dan lain-lain kemudahan.

Rjm 12

SOALAN No: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO

TARIKH: 12JUN2012

SOALAN:

Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kesediaan Kementerian dalam mengimplementasikan gaji minima. Apakah kaedah dan berapakah pegawai baru yang akan diambil untuk memastikan kejayaan skim ini di Semenanjung Malaysia, Sabah dan di Sarawak.

PR-1252-L50349

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kejayaan pelaksanaan dasar gaji minimum ini bergantung kepada aspek pematuhan terhadap Perintah Gaji Minimum yang akan diwartakan pada 1 Julai 2012.
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan taklimat mengenai pelaksanaan gaji minimum termasuk aspek perundangan dan penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.
3. Bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai pelaksanaan gaji minimum, Kementerian Sumber Manusia juga telah dan sedang mengadakan sesi taklimat dan dialog dengan pihak-pihak berkepentingan di seluruh negara. Di samping itu, KSM ini sentiasa aktif dalam membuat hebahan mengenai gaji minimum melalui media massa bercetak dan elektronik.

4. Buat masa ini, KSM akan menggunakan kapasiti pegawai penguatkuasa sedia ada bagi memantau dan menguatkuasakan Perintah Gaji Minimum. Sekiranya terdapat keperluan penambahan pegawai penguatkuasa, Kementerian akan menyusul perkara ini dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

5. Dalam hubungan ini, pegawai-pegawai penguatkuasa di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak diberi kuasa yang mencukupi untuk menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IV Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732).

SOALAN NO 21

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DARI RAKYAT
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

LISAN
Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]
12 JUN 2012
Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan

- a) apakah jenis insentif dan sokongan yang diberikan oleh Kementerian pada pihak penganjur sekiranya Malaysia dipilih untuk menghoskan JCI-ASPAC (Jaycees International Asia Pacific Annual Conference) pada tahun 2015 dengan jangkaan 5000 peserta dari 80 negara;
- b) jenis dan jumlah dana yang boleh dipohon oleh pihak penganjur

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Putatan, sekiranya Malaysia dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada Jaycees International Asia Pacific Annual Conference (JCI-ASPAC) pada tahun 2015 dengan jangkaan 5000 peserta dari 80 negara, Kementerian Pelancongan melalui Malaysia Convention dan Exhibition Bureau (MyCEB) bersedia menyediakan insentif dan sokongan seperti berikut:
 - i) Membantu pihak penganjur Malaysia merai serta mempromosikan negara pada Majlis Makan Malaysia di negara hos terakhir sebelum penganjuran JCI-ASPAC di Malaysia;
 - ii) Membantu pihak penganjur memantapkan promosi kedatangan (*attendance promotion*) untuk menarik lebih ramai para peserta;
 - iii) Membantu pihak penganjur dalam persiapan logistik dan penginapan peserta;
 - iv) Membantu pihak penganjur berurusan dengan agensi yang berkaitan urusan tetamu khas, kastam dan imigresen dalam urusan melicinkan proses pelepasan kastam dan laluan khas (*fast track*) kemasukan tetamu;
 - v) Membantu pihak penganjur mengadakan majlis makan malam ketika persidangan berlangsung; dan

- vi) Membantu pihak penganjur menyediakan, mempromosi dan menganjurkan program lawatan pra dan pasca persidangan (*pre and post tour program*) untuk para peserta.
- b) Untuk acara yang telah dimenangi dan ditetapkan penganjurannya di Malaysia, penganjur boleh memohon dana di bawah '*Subvention Programme*' yang disediakan oleh MyCEB. Dana yang disalurkan kepada penganjur adalah untuk memaksimumkan penyertaan daripada peserta luar negara, menjalankan aktiviti-aktiviti promosi, penyediaan bahan-bahan promosi bagi konvensyen yang akan berlangsung.

Jumlah dana yang boleh dipohon adalah dinilai dari segi manfaat ekonomi kepada negara, jumlah penyertaan delegasi/peserta luar negara, tempoh konvensyen berlangsung, demografi peserta serta manfaat-manfaat yang lain. Semua bentuk bantuan dan sokongan tersebut adalah tertakluk kepada maklumat-maklumat dan perbincangan MyCEB dengan pihak penganjur.

No. Soalan :
[23] PR-1252-
L50246

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI]
TARIKH	12 JUN 2012
SOALAN	Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sejauh manakah tindakan Kerajaan yang lebih berkesan diambil untuk membanteras gejala/kelakuan segelintir rakyat Malaysia yang memburukkan negara sendiri semasa berada di luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan Malaysia mengiktiraf undang-undang negara luar seperti mana kerajaan luar menghormati undang-undang di negara ini. Segala salah laku rakyat Malaysia di luar negara adalah tertakluk di bawah undang-undang negara tersebut. Seperti kebiasaan, Kerajaan tidak akan campur tangan ke atas sebarang tindakan yang di ambil oleh negara tersebut.

3. Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan-perwakilan di luar negara juga telah mengadakan perjumpaan dan memperingatkan rakyat Malaysia di luar negara untuk menghormati undang-undang negara yang mereka bermastautin atau kunjungi untuk urusan-urusan tertentu. Dengan menggunakan pendekatan ini, Kerajaan bukan sahaja dapat menyalurkan maklumat-maklumat kepada rakyat Malaysia tetapi pada masa yang sama membetulkan persepsi negatif serta menangkis fakta yang diputarbelitkan oleh golongan tertentu.

4. Kementerian Luar Negeri telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dengan wakil media massa di dalam dan di luar negara bagi menerangkan isu-isu semasa di Malaysia khususnya untuk

menerangkan dan menangkis cemuhan dan tuduhan yang tidak berasas yang memberi persepsi negatif terhadap negara ini. Perjumpaan ini adalah untuk membolehkan wakil media massa luar memperolehi fakta-fakta untuk melaporkan perkara sebenar.

5. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan memahami, kita semua haruslah menghormati undang-undang negara yang kita lawati. Justeru itu, saya ingin menegaskan supaya tidak ada pihak yang melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan imej dan nama baik negara semasa berada di luar negara untuk menjamin hubungan dan kerjasama yang baik lagi akrab yang sedia terjalin di antara Malaysia dan negara-negara lain.

Sekian, terima kasih.

Soalan No :25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]
TARIKH	12 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi penekanan terhadap subjek pendidikan moral dan agama dalam sistem pendidikan negara. Berapakah jumlah Sekolah Agama Rakyat secara keseluruhan dan adakah Kementerian berhasrat untuk melahirkan standard dari segi keadaan fizikal, kaedah dan kurikulumnya supaya memenuhi kehendak Dasar Pendidikan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya memberi penekanan kepada **pendidikan Islam yang merupakan mata pelajaran teras** bagi murid Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah. Melalui pelaksanaan KSSR mata pelajaran Pendidikan Islam memberi penekanan kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Kurikulum Pendidikan Islam yang dibina adalah berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan murid yang seimbang di sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras untuk murid bukan Islam mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Mata pelajaran Pendidikan

Moral yang diperkenalkan kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah bertujuan untuk membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Melalui mata pelajaran ini 17 nilai murni yang didokong oleh semua agama di Malaysia didedahkan kepada murid bertujuan untuk mewujudkan semangat perpaduan, saling menghormati dan saling bekerjasama dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran Sekolah Agama Rakyat sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) merupakan usaha KPM memperkasakan Sekolah Agama supaya setanding dengan sekolah-sekolah KPM yang lain dari segi fizikal, kurikulum dan sebagainya ke arah memenuhi Dasar Pendidikan Negara. Pada masa ini jumlah SAR adalah sebanyak **448 buah** (94 SMAR dan 354 SRAR). Daripada jumlah tersebut sebanyak 5 buah SRAR dan 57 buah SMAR telah berdaftar sebagai SABK.

Rjm 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH 12JUN 2012

SOALAN NO. 11

SOALAN:

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pengundi pos yang berdaftar setakat bulan Jun 2012 di seluruh negara. Bagaimanakah mekanisme yang dibuat SPR atau Kerajaan untuk membuat pengasingan antara anggota tentera dan anggota polis yang telah berdaftar sebagai pengundi pos terdahulu dan sekarang perlu mengundi secara pengundian awal.

1

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pengundi Tidak Hadir atau pengundi pos berdaftar sehingga 31 Mac 2012 (sebagaimana Daftar

Pemilih Terkini sehingga Suku Tahun Pertama 2012 yang telah diwartakan pada 7 Jun 2012) adalah seramai 269,990 orang.

SPR tidak membuat sebarang penentuan atau penetapan bagi anggota tentera atau anggota polis yang telah berdaftar sebagai pengundi pos untuk mengundi sebagai pengundi awal atau pengundi pos. Walau bagaimanapun, SPR telah menetapkan peraturan yang menentukan kategori pemilih yang dikehendaki mengundi sebagai pengundi awal, iaitu sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan- Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No.2) 2012, P.U(A) 113 yang telah diwartakan pada 27 April 2012 dan mula berkuat kuasa pada 30 April 2012, sebagaimana berikut: Peraturan 27A(1) Mana-mana orang yang telah mendaftarkan diri sebagai seorang pemilih Parlimen atau Negeri di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan ialah-

- (a) Seorang yang disebut dalam perenggan (a) dalam takrif
“pengundi tidak hadir” dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan
Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002;
- (b) Seorang yang disebut dalam perenggan (b) dalam takrif
“pengundi tidak hadir” dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan
Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002;
- (c) Seorang anggota mana-mana pasukan polis yang ditubuhkan oleh
mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di
Malaysia, selain anggota Pasukan Polis Sukarelawan Simpanan;

atau

- (d) Isteri atau suami kepada seorang pegawai polis yang
berkhidmat dengan Pasukan Gerakan Am,

Hendaklah mengundi sebagai pengundi awal pada sesuatu pilihan raya
mengikut tatacara pengundian yang diperuntukkan dalam
Peraturan-Peraturan ini.

Peraturan 27A(2) Orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (c)
yang tidak boleh mengundi pada hari mengundi awal boleh

26 SOALAN NO.»

memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos mengikut Peraturan-
Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Peraturan 27A(3) Orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan
(c) yang telah diluluskan permohonannya untuk mengundi sebagai
pengundi pos mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya
(Pengundian Pos) 2003 tidak berhak untuk mengundi pada hari
mengundi awal.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO, .

NO.

SOALAN:26 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

DARIPADA : LISAN
: TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 12JUN2012

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang, bilangan syarikat yang membida dan tawaran mereka, sama ada benar bahawa ia telah diluluskan kepada Tan Sri Syed Mokhtar Shah bin Syed Nor Al-Bukhary, adakah benar bahawa beliau telah mula mengambil alih pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian dan Agensi yang berkenaan. Setakat ini, pengurusan pelabuhan masih belum diambil alih oleh syarikat memandangkan rundingan mengenai terma-terma perjanjian penswastaan kini masih dijalankan dengan pihak syarikat.

NO. SOALAN :27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

	LISAN
DARIPADA	DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED (SEPANG) 12
TARIKH	JUN 2012

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed (Sepang) minta PERDANA MENTERI menyatakan inisiatif baru dalam bidang sains dan teknologi Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) yang ditubuhkan setahun lalu bagi memantapkan persediaan menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020.

JAWAPAN

Inisiatif baru hasil daripada Mesyuarat GSAIC Ke-2 pada 16 Mei 2012 di New York adalah program Cradle-to-Career (C2C), yang merupakan program yang dilaksanakan di Amerika Syarikat dan berjaya meningkatkan kejayaan pelajar daripada pra-sekolah sehingga ke universiti. Program ini merupakan inisiatif bersama di antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan The New York Academy of Sciences (NYAS) dan State University New York (SUNY). Inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada Malaysia sebagai langkah memperkukuhkan pembangunan modal insan negara dalam usaha transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi dan berdaya saing. Pelaksanaan C2C akan melibatkan 3 komponen utama berikut:

- a. Komponen utama, adalah peningkatan kualiti modal insan inovatif melalui penumpuan kepada pengukuhan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Pelaksanaan awal adalah melalui program kerjasama di antara UKM PERMATA Pintar dan NYAS bagi pembangunan minda

NO. SOALAN :28

“Nobel Laureate” di kalangan kanak-kanak;

PERTANYAAN

Komponen kedua adalah ialah memberi tumpuan kepada keunggulan penyelidikan. Antara inisiatif awal adalah melalui penempatan penyelidik dan saintis Malaysia di makmal bertaraf dunia seperti Makmal Brook Haven, Pusat Teknologi Tinggi, Cold Spring Harbor Lab dan Institut Bumi di Universiti Columbia. Pendedahan yang diterima oleh saintis Malaysia di makmal bertaraf dunia ini akan memberi inspirasi kepada mereka untuk menjadi penyelidik terkenal;

Komponen ketiga dalam C2C adalah tertumpu pada program membawa penyelidikan ke pasaran. Ini boleh dicapai melalui peruntukan tambahan geran, penyelidikan, pembangunan dan pra-pengkomersilan dan penglibatan yang berkesan di kalangan institusi pendidikan, kerajaan, industri, dan usahawan. Salah satu projek awal adalah untuk menempatkan CEO bagi syarikat baru di Stony Brook University di mana CEO menimba pengalaman dan juga meningkatkan hubungan perniagaan antarabangsa yang akhirnya dapat memanfaatkan Rakyat dan Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah seseorang pegawai awam berpangkat JUSA "C" atau Gred Khas "C" ke atas dibiarkan "terapung" (float) di perjawatan "JPA Pool" kerana masih tidak disahkan penempatannya di mana-mana jabatan yang bersesuaian.

NO.SOALAN: 28

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Penempatan pegawai awam Gred Utama C atau gred-gred lain di Jawatan Kumpulan, Jabatan Perkhidmatan Awam (yang dikatakan sebagai "JPA Pool" oleh Yang Berhormat) adalah dibuat kerana:

- i. pegawai yang menghadapi presiding tatatertib / mahkamah dan penempatan ke Jawatan Kumpulan ini adalah sebagai langkah "preventive" yang diambil demi meniaqa kualiti perkhidmatan dan nama baik pentadbiran kerajaan: atau
- ii. pegawai yang menghadapi masalah kesihatan yang serius; atau
- iii. pegawai yang tidak mencapai tahap prestasi yang diharapkan oleh Ketua Jabatan atau "stakeholders dan atau
- iv. pegawai yang tamat tempoh peminjaman ke agensi lain sebelum ditempatkan ke jawatan hakiki yang lain.

Pegawai yang tamat tempoh pinjaman akan ditempatkan di jawatan hakiki yang sesuai dengan pegawai jika ada kekosongan. Sekiranya tiada kekosongan, penempatan khas di Kementerian dan jabatan tertentu akan dibuat bagi menjalankan tugas atau proiek khas mengikut keperluan dan kepakaran pegawai.

Penempatan pegawai yang menghadapi prosiding tatatertib / mahkamah atau menghadapi masalah kesihatan vanq serius atau tidak

berprestasi adalah sukar dibuat dengan segera kerana faktor penerimaan di agensi di mana pegawai akan ditempatkan. Penempatan pegawai tersebut bagi mengisi jawatan hakiki di agensi dikhuatiri akan menjejaskan imej dan prestasi agensi. Oleh itu, pegawai-pegawai tersebut akan ditempatkan secara pentadbiran di agensi pada masa yang sesuai bagi menjalankan tugas-tugas tertentu dan dalam tempoh tersebut pegawai akan dinilai. Pegawai yang menunjukkan perubahan positif akan ditempatkan di jawatan hakiki yang sesuai tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR

BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]

TARIKH 12 JUN 2012

RUJUKAN 4771

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pada masa ini kita dapati banyak tempat-tempat perjudian haram seperti nombor ekor, slot mesin dan lain-lain wujud di merata-rata tempat di taman perumahan. Bilakah tindakan untuk menghapuskan semua tempat-tempat perjudian ini dapat dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan amat peka dan sensitif kepada isu-isu permasalahan perjudian haram dalam negara. Kawalan ke atas aktiviti perjudian dilaksanakan melalui penggubalan akta dan peraturan yang diguna pakai di negara ini. Kerajaan sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara.

Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka dibawah undang-undang yang berkaitan. Pihak PDRM turut mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram dibawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain daripada itu pihak PDRM turut mengadakan operasi-operasi berterusan ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti perjudian haram. Bagi memastikan keberkesanan dan ketelusan pihak PDRM turut bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Antara undang-undang berkaitan yang digunapakai untuk mendakwa orang-orang yang terlibat dengan kegiatan judi haram ini adalah seperti berikut:-

- Akta Rumah Judi Terbuka 1953
- Akta Pertaruhan 1953
- Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998
- Enakmen Negeri-Negeri
- Akta Penggubalan Wang Haram 2001

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, keberkesanan usaha-usaha dan inisiatif yang diambil oleh pihak PDRM telah terbukti apabila mendapat pujian daripada pihak Interpol dimana pihak PDRM memainkan peranan penting dalam usaha Interpol membanteras kegiatan perjudian acara sukan secara haram terutamanya judi bola sepak. Timbalan Presiden Interpol Eropah Mirelle Ballestrazzi dalam kenyataan akhbar beliau telah memuji peranan dan kerjasama PDRM didalam '*Operation Soga*' yang berjaya menumpaskan sindiket perjudian haram yang dianggarkan berjumlah RM 7 Bilion dimana sepanjang 4 tahun lepas sehingga kini 2,200 serbuan dalam berjaya dilakukan dan 6,000 ahli sindiket telah ditangkap di seluruh dunia.

Pihak PDRM akan sentiasa menjalankan tugas dengan serius dan berusaha untuk mengesan dan mengekang kegiatan judi haram yang wujud di negara kita. Walaubagaimanapun langkah-langkah pencegahan bagi menangani masalah ini tidak boleh dipertanggungjawabkan keatas pihak berkuasa semata-mata.

Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada orang ramai adalah perlu bagi memastikan jenayah ini dari terus berleluasa. Melalui pelaksanaan konsep '*Community Policing*' yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, pihak PDRM berharap program ini dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti. Dalam pada itu, melalui program ¹*Rakan Cop*' juga telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03-2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

NO SOALAN : 106

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2012

Y.B. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL[MACHANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- a) Punca utama Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) menanggung kerugian dalam tempoh 2011 hingga suku tahun pertama 2012; dan
- b) Jumlah kerugian sebenar yang ditanggung oleh Kerajaan ekoran pembatalan kerjasama antara Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airlines System Bhd (MAS) telah mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion bagi tahun 2011 dan RM171 juta bagi suku tahun pertama 2012. Punca utama kerugian berkenaan adalah kerana kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo serta peningkatan kos operasi syarikat.

Bagi tahun 2011, perbelanjaan operasi MAS meningkat 21% kepada RM16.20 bilion berbanding RM13.41 bilion bagi tahun 2010 disebabkan peningkatan 33% (RM1.460 juta) kos bahan api dan 21%

(RM 16,200 juta) kos bukan bahan api. Selain daripada peningkatan kos bahan api berikutan kenaikan purata harga minyak Sin Jet daripada USD95 setong pada awal tahun 2011 kepada USD133 setong menjelang akhir tahun 2011, peningkatan kos juga disebabkan oleh peruntukan pemulangan pesawat sebanyak RM602 juta, peruntukan *impairment* pesawat (*freighter*) sebanyak RM314 juta dan peruntukan stok usang sebanyak RM179 juta.

Bagi suku pertama tahun 2012 pula, MAS masih mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM171 juta. Bagaimanapun, kerugian ini adalah 29% lebih rendah berbanding RM242 juta untuk tempoh yang sama tahun 2011. Walaupun harga pasaran bahan api bagi suku pertama tahun 2012 adalah lebih tinggi berbanding tempoh sama 2011, MAS telah berjaya mengurangkan kerugian bagi tempoh berkenaan dengan adanya beberapa langkah positif yang dilaksanakan, termasuklah pelaksanaan strategi Pelan Perniagaan MAS, penggantungan beberapa laluan jarak jauh yang tidak menguntungkan serta penggunaan pesawat baru yang cekap bahan api (*fuel efficient*).

Kerjasama di antara MAS dan AirAsia Bhd (AirAsia) masih diteruskan. Walau bagaimanapun, pembatalan hanya melibatkan pertukaran saham oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Tune Air pada 2 Mei 2012. Pembatalan pertukaran saham tersebut dilaksanakan pada kadar pertukaran asal yang dibuat pada 9 Ogos 2011 iaitu setiap 2.05 saham MAS yang berharga RM1.60 sesaham, ditukar dengan satu saham AirAsia pada harga RM3.95 sesaham. Oleh yang demikian kedua-dua pihak terlibat tidak mengalami sebarang kerugian mahupun memperoleh keuntungan hasil daripada pembatalan tersebut. Sungguhpun demikian, Khazanah akan menanggung sedikit

Tuan Yang di-Pertua,

kos bagi khidmat nasihat dan rundingcara yang dikenakan oleh perunding yang menjalankan tugas berkaitan pembatalan pertukaran tersebut. Jumlah keseluruhan kos tersebut kini masih dalam proses untuk dimuktamadkan.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS - BN]

TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN NO. 31

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan jumlah agihan peruntukan untuk program belia dan sukan.

JAWAPAN

Bagi tahun 2012, jumlah agihan peruntukan untuk program-program yang berorientasikan “belia” adalah sebanyak RM58 juta dengan 30 kategori program dilaksanakan. Manakala peruntukan bagi program-program yang berorientasikan “sukan” pula sebanyak RM33.2 juta dengan 10 kategori program.

SULIT

PERTANYAAN : LISAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

DARIPADA DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID [Pengerang - BN]

TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN NO. 33

Dato¹ Sri Azalina Binti Dato' Othman Said minta KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah terdapat sebarang perancangan dalam mewujudkan kursus dan latihan yang berkaitan dengan industri minyak dan gas di IKBN Penawar serta menjalinkan kerjasama dengan Petronas khusus bagi melatih anak-anak tempatan di Pengerang bagi mengisi peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan dalam mewujudkan tenaga kerja mahir dan tidak mahir.

SULIT
JAWAPAN

1. Kementerian sedang ke arah untuk menjadikan IKBN Bandar Penawar sebagai pusat kecemerlangan khususnya dalam Industri Minyak dan Gas. Sehubungan itu, sebagai permulaan Kementerian akan melaksanakan kursus-kursus jangka pendek berkaitan industri minyak dan gas (*Safety on Oil & Gas*) yang dijangkakan bermula pada bulan Julai 2012. Kursus tersebut disasarkan kepada bekas-bekas pelajar IKBN khususnya dalam bidang mekanikal, kejuruteraan awam dan elektrik sebagai nilai tambah bagi meningkatkan kebolehpasaran dan menyediakan tenaga kerja untuk Projek Terminal Petroleum Laut Dalam (RAPID). Selain itu, ia juga terbuka kepada golongan belia terutamanya anak-anak tempatan untuk mendapat latihan dan mengisi peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan dalam industri tersebut.
2. Kementerian juga telah mengadakan kerjasama dengan Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dan usaha ini akan diperkembangkan dengan agensi-agensi swasta yang lain. Sepanjang tahun 2012, sebanyak lima (5) siri perbincangan telah diadakan bersama IRDA termasuk mengadakan Mini Lab pada 30 April 2012 yang lalu.

NO SOALAN :

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK)
LISAN
DARIPADA
12.06.2012

PERTANYAAN

TARIKH Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan mengurangkan cukai import kereta-kereta import supaya pembelanjaan kereta/pengangkutan dapat diijimatkan oleh keluarga rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kereta import kini dikenakan duti import pada kadar 30%. Walau bagaimanapun, bagi kereta yang diimport dari negara ASEAN, duti import tidak lagi dikenakan. Bagi kereta berkapasiti enjin melebihi 2,000 cc yang diimport dari Jepun, duti import tidak lagi dikenakan manakala bagi kereta berkapasiti enjin 2,000 cc dan ke bawah, duti import tidak akan lagi dikenakan mulai tahun 2015.

2. Kerajaan menggalakkan pemasangan kereta dalam negara memandangkan ia dapat menjana hasil negara, mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat, mewujudkan kilang pengeluaran komponen kereta tempatan, menggalakkan penggunaan perkhidmatan tempatan dan mewujudkan rantai industri. Di samping itu, industri kereta tempatan memberi sumbangan pelaburan yang besar.

3. Industri kereta tempatan telah tertubuh dan kompetitif, di mana harga jualan kereta buatan tempatan adalah lebih murah daripada kereta import. Berdasarkan faktor di atas, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan cukai ke atas kereta import.

yo. soalAnJ • -
NQ. A-UM--
r9-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO" ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

12 JUN 2012

TARIKH

4770

RUJUKAN

SOALAN:

Dato* Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejak tahun 2009 hingga 2011 berapa ramaikah jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan mengikut negara masing-masing.

JAWAPAN:
Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah warganegara asing yang telah diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia semenjak tahun 2009 sehingga 2011 adalah seramai 28,299 orang. Dalam hal ini, Kementerian tidak merekodkan permohonan taraf kewarganegaraan mengikut negara asal.

NO. SOALAN : 37

DEWAN NEGARA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS _____ (2012) _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' MOHD. JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH 12 JUN 2012 [SELASA]

SOALAN:

Dato' Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang bagaimana Kerajaan menangani isu murtad dan tindakan Kerajaan selaras dengan Islam sebagai Agama Persekutuan (Negara)

JAWAPAN : (YB. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah dan sentiasa berusaha menangani isu murtad menerusi mekanisme perundangan yang telahpun tersedia sejak sekian lama. Bagi kesalahan murtad, sesetengah negeri telah memperuntukkan kesalahan percubaan murtad dalam undang-undang jenayah syariah negeri tersebut. Sebagai contoh, negeri Melaka dan Sabah telah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan percubaan murtad dan syubahat kepada

percubaan murtad. Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 seksyen 66 dan 67 memperuntukkan seperti yang berikut:

Percubaan murtad.

66. (1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah jika berpuashati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukarkan iktikad dan kepercayaan Agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

(2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1)-

a) bertaubat dengan serta merta, Mahkamah hendaklah, setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut: atau

b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara

itu kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah memanggil orang itu setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.

(3) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan satu iaporan kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada Mahkamah pada setiap minggu.

(4) Pusat Bimbingan Islam hendaklah diwartakan sebagai Pusat Tahanan di dalam Warta.

Syubahat kepada percubaan murtad.

67. (1) Seseorang yang bersyubahat di bawah seksyen 66 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang itu boleh dianggap bersyubahat jika ia melakukan mana-mana perkara yang disebut di bawah Enakmen ini.

Manakala bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan pula, Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah yang akan menggantikan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] telah memasukkan beberapa peruntukkan berhubung kesalahan murtad.

Disamping itu, langkah-langkah lain yang telah diambil untuk menangani isu murtad ialah -

- a) menyusun pelbagai program ke arah memperkukuhkan akidah umat Islam;
- b) mempergiatkan lagi gerakan dakwah Islamiah oleh agensi-agensi Islam yang berkaitan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- c) melaksanakan program ke arah memperkukuhkan institusi keluarga secara berterusan.
- d) memperkukuhkan Unit Saudara Baru dan dakwah melalui pelbagai program yang bersepadu dan terancang.

Perkara utama yang harus ditekankan dalam menangani dan membendung isu murtad ialah bimbingan dan didikan agama yang menyeluruh dan berkesan kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih.

SOALAN

NOTA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH 12JUN 2012

SOALAN:

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pengundi pos yang berdaftar setakat bulan Jun 2012 di seluruh negara. Bagaimanakah mekanisme yang dibuat SPR atau Kerajaan untuk membuat pengasingan antara anggota tentera dan anggota polis yang telah berdaftar sebagai pengundi pos terdahulu dan sekarang perlu mengundi secara pengundian awal.

SOALAN N<X25

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pengundi Tidak Hadir atau pengundi pos berdaftar sehingga 31 Mac 2012 (sebagaimana Daftar Pemilih Terkini sehingga Suku Tahun Pertama 2012 yang telah diwartakan pada 7 Jun 2012) adalah seramai 269,990 orang.

SPR tidak membuat sebarang penentuan atau penetapan bagi anggota tentera atau anggota polis yang telah berdaftar sebagai pengundi pos untuk mengundi sebagai pengundi awal atau pengundi pos. Walau bagaimanapun, SPR telah menetapkan peraturan yang menentukan kategori pemilih yang dikehendaki mengundi sebagai pengundi awal, iaitu sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No.2) 2012, P.U(A) 113 yang telah diwartakan pada 27 April 2012 dan mula berkuat kuasa pada 30 April 2012, sebagaimana berikut: Peraturan 27A(1) Mana-mana orang yang telah mendaftarkan diri sebagai seorang pemilih Parlimen atau Negeri di bawah

38

Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan 35

ialah-

- (a) Seorang yang disebut dalam perenggan (a) dalam takrif
“pengundi tidak hadir” dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan
Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002;
- (b) Seorang yang disebut dalam perenggan (b) dalam takrif
“pengundi tidak hadir” dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan
Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002;
- (c) Seorang anggota mana-mana pasukan polis yang ditubuhkan
oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di
Malaysia, selain anggota Pasukan Polis Sukarelawan
Simpanan; atau
- (d) Isteri atau suami kepada seorang pegawai polis yang
berkhidmat dengan Pasukan Gerakan Am,

Hendaklah mengundi sebagai pengundi awal pada sesuatu pilihan
raya mengikut tatacara pengundian yang diperuntukkan dalam
Peraturan-Peraturan ini.

Peraturan 27A(2) Orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (c)
yang tidak boleh mengundi pada hari mengundi awal boleh
memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos mengikut Peraturan-
Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

SOALAN NO^g [^]

Peraturan 27A(3) Orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan
(c) yang telah diluluskan permohonannya untuk mengundi sebagai pengundi
pos mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya
(Pengundian Pos) 2003 tidak berhak untuk mengundi pada hari mengundi
awal.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEE BENG
(NIBONG TEBAL)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2012

Y.B. TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL] minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan apakah kesan kepada kutipan kewangan negara
(national revenue) jika Pulau Pinang dianugerahkan dengan pelabuhan
bebas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud.
Namun begitu, kini telah terdapat 5 buah Zon Bebas di Pulau Pinang iaitu:

Bil.	Nama Kawasan	Aktiviti
1.	Zon Bebas Pelabuhan Pulau Pinang	Perdagangan
2.	Zon Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	Perdagangan
3.	Zon Bebas Kompleks Kargo Udara Batu Maung	Perdagangan
4.	Zon Bebas Bayan Lepas	Perindustrian
5.	Zon Bebas Prai	Perindustrian

2. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat sekiranya Pulau Pinang dianugerahkan pelabuhan bebas, anggaran kehilangan kutipan cukai adalah sebanyak RM780 juta setahun.

DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG

(WANGS A MAJU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2012

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa tiada tindakan diambil oleh pengurusan tertinggi MAS yang diketuai oleh Encik Ahmad Jauhari Yahya terhadap Encik Mohammad Rashdan Yusof aka Danny yang menaik-taraf (*upgrade*) bayi dan pembantu rumahnya ke Kabin Kelas Pertama yang bercanggah dengan dasar/peraturan-peraturan sedia ada pada 1 Januari 2012 dalam penerbangan MH 122 dari Sydney ke Kuala Lumpur, yang menjejaskan nama baik MAS.

NO SOALAN :34^

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan ini adalah hal dalaman Malaysia Airlines System Bhd (MAS) dimana bidangkuasa menanganinya terletak dengan pihak pengurusan tertinggi MAS tanpa perlu ada campurtangan Kerajaan. Kerajaan, melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) hanya memiliki satu Saham Khas MAS dengan kuasa ke atas perkara-perkara tertentu sepertimana yang dinyatakan dalam Tatacara dan Tataurusan (M&A) Syarikat.

Tambahan pula, isu berkenaan tidak melibatkan perkara-perkara yang berkaitan pemegang saham dan mengikut tadbir urus korporat yang baik (*Good Corporate Governance*), pemegang saham tidak perlu mencampuri urusan pentadbiran syarikat kerana ianya merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah syarikat. Sehubungan ini, wajar perkara tersebut diuruskan sendiri oleh pihak pengurusan tertinggi syarikat serta Lembaga Pengarahnya.

N0.S.O/VL/VN-

- *f-I NO~~n~~WM÷

32

NO. AUP—

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 12 JUN 2012

RUJUKAN : 4775

SOALAN:

Tuan John *a//* Fernandez [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan dengan Laporan Polis Jalan

Campbell/006175/12 yang dibuat pada 16 Mei 12 oleh Puan Ganasoudari a/p A. Duraisamy iaitu insiden tembakan yang mengorbankan P. Calidass dan G.Surentharan di Seremban pada 10 Mei 2012:-

- (a) adakah sebarang tangkapan dibuat dan apakah status siasatan pihak polis; dan
 - (b) adakah terdapat sebarang keterangan diambil dari mana-mana pihak dan adakah terdapat mana-mana individu dituduh di mahkamah berkenaan dengan insiden tersebut.
- Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak Polis telah menjalankan siasatan dibawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu sebagai kes bunuh. Hasil siasatan yang dijalankan pihak polis telah menangkap seorang lelaki bagi membantu siasatan. Walaubagaimanapun, sehingga kini siasatan masih lagi diteruskan dan rakaman percakapan saksi-saksi telah diambil bagi melengkapkan penyiasatan dan mengesan suspek yang terlibat didalam kes ini. Sehingga kini, belum ada individu yang dituduh di mahkamah berkaitan kes ini dan motif sebenar pembunuhan ini

JAWAPAN:

masih lagi belum dikenalpasti.

Nyo SOA/AbJ ■

X NO. AUM-:

34-

NO. AUP-:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

LISAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

PERTANYAAN

12 JUN 2012

DARIPADA

4974

TARIKH

RUJUKAN SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil
terhadap mereka yang melaksanakan senaman punggung di hadapan
rumah Dato' S. Ambiga pada 15 Mei 2012 dan sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Pihak Ibupejabat Polis Daerah Brickfield sedang menjalankan siasatan terhadap kes tersebut. Siasatan sedang dijalankan di bawah Seksyen (5) Akta Perhimpunan Aman.

f

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)
LISAN

PERTANYAAN **12.06.2012**

TARIKH

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta MENTERI
KEWANGAN

menyatakan tentang jenis-jenis pelabuhan bebas cukai dan zon bebas yang
ada di negara ini dan apakah Kerajaan Persekutuan akan memulihkan status
pelabuhan bebas cukai kepada Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua jenis Zon
Bebas iaitu Zon Perindustrian Bebas dan Zon Perdagangan Bebas di bawah
Akta Zon Bebas 1990. Aktiviti yang dibenarkan dalam Zon Perindustrian
Bebas ialah pengilangan manakala aktiviti yang dibenarkan dalam Zon
Perdagangan Bebas adalah perdagangan termasuk pecah pukal,
transshipment, pembungkusan semula, pelabelan semula dan penggredan
semula. Kini terdapat 14 Zon Perindustrian Bebas dan 16 Zon Perdagangan
Bebas dalam negara. Di Pulau Pinang terdapat terdapat 5 buah Zon Bebas
iaitu:

Bil	Nama	Aktiviti
.	Kawasan	

NO.SOALAN: 44

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

1.	Zon Bebas Pelabuhan Pulau Pinang	Perdagangan
2.	Zon Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	Perdagangan
3.	Zon Bebas Kompleks Kargo Udara Batu Maung	Perdagangan
4.	Zon Bebas Bayan Lepas	Perindustrian
5.	Zon Bebas Prai	Perindustrian

2. Untuk makluman Yang Berhormat, konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud. Oleh yang demikian, isu memulihkan status pelabuhan bebas cukai kepada Pelabuhan Pulau Pinang tidak lagi berbangkit.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah permohonan dan jumlah biasiswa yang ditawarkan di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) bagi tempoh sepuluh tahun terakhir (2002-2011) dan apakah Kerajaan

berhasrat menambah lagi jumlah peruntukan tersebut supaya lebih ramai yang boleh melanjutkan pelajaran ke luar negara.

JAWAPAN: YB DATO* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah permohonan dan jumlah biasiswa yang ditawarkan di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) bagi tahun 2005 hingga 2011 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH TAWARAN
2005	15,263	1,300
2006	15,375	1,500
2007	12,411	1,800
2008	15,220	2,000
2009	15,084	2,100
2010	18,844	1,750
2011	16,900	1,500

Penajaan pelajar-pelajar adalah bermatlamatkan pembangunan modal insan holistik yang dapat menyediakan sumber tenaga manusia mahir yang berdayasaing dan berdaya tahan berteraskan pengetahuan dan inovatif bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara berpendapatan tinggi. Bilangan pembiayaan pelajar di

NO.SOALAN: 44

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan di dalam dan luar negara adalah berasaskan kepada keperluan unjuran guna tenaga dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh perkhidmatan awam dan negara.

Di samping itu, penajaan biasiswa JPA setiap tahun adalah tertakluk kepada tempat yang boleh ditawarkan setelah mengambilkira kemampuan kewangan Kerajaan pada tahun berkenaan. Perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa turut mempengaruhi penentuan bilangan penajaan dan bidang yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 JUN 2012 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]

SOALAN

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Kementerian sedia memindahkan pemilikan rumah PPR di Seksyen 8 Kota Damansara dan Lembah Subang kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau Kerajaan Negeri Selangor supaya rumah-rumah tersebut boleh

dijual kepada penduduk yang berminat membeli.

SOALAN(45)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju supaya PPR Lembah Subang II dijual kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah di Negeri Selangor. Manakala PPR Lembah Subang I telahpun diserahkan kepada pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk urusan penyewaan kepada golongan-golongan yang layak.

Sehubungan dengan itu, penghuni/penyewa di PPR Lembah Subang I boleh membeli unit-unit rumah yang akan ditawarkan di PPR Lembah Subang II.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

No. Soalan :
[46] PR-1252-
L49872

PEMBERITAHUA
PERTANYAAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
DARIPADA RAKYAT
TAMBAH MALAYSIA

JAWAB LISAN

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI
AYUB [KUBANG KERIAN]

12 JUN 2012

SOALAN

Y.B. Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub
[Kubang Kerian] minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan sejauh
manakah penyelesaian berkaitan caj
pembangunan yang dikenakan oleh
Kerajaan Singapura bagi kawasan
tanah yang diterima oleh Perdana
Menteri di Marina South dan di
Ophir/Rochor berikutan pertukaran
tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM)

di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands, dan tiga lagi di Bukit Timah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN:

Izinkan saya untuk memberikan jawapan secara serentak kepada dua pertanyaan-pertanyaan menyentuh isu yang sama daripada:

- Yang Berhormat Kubang Kerian bertarikh 12 jun 2012; dan
- Yang Berhormat Padang Besar bertarikh 20 Jun 2012;

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pertukaran tanah Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands, dan tiga lagi di Bukit Timah dengan tanah-tanah di Marina South dan di Ophir/Rochor di Singapura merupakan satu langkah penyelesaian kepada pelaksanaan *Points of Agreement* (POA) antara Malaysia dan Singapura yang telah tertunggak semenjak 1990.

4. Kerajaan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju pada September 2010 untuk menyelesaikan isu pembayaran caj pembangunan untuk tiga bidang tanah asal POA di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands dengan merujuk kepada prosedur timbang tara di "*Permanent Court of Arbitration*".

5. Bagi tujuan timbang tara ini, kedua-dua buah negara telah

menandatangani “*Submission Agreement*” pada 9 Januari 2012 bagi menetapkan, antara lain, prosedur dan komposisi panel timbang tara antarabangsa tersebut. Jabatan Peguam Negara Malaysia telah membuat persiapan yang perlu bagi proses timbang tara tersebut yang dijangka akan bermula sebelum akhir tahun ini.

6. Langkah penyelesaian isu caj pembangunan menerusi proses timbang tara telah diambil supaya isu ini tidak menghalang kedua-dua negara untuk terus meningkatkan kerjasama dua hala, terutamanya dalam inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan berikutan penyelesaian isu POA.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Menurut Perjanjian bagi Pelaksanaan “*The Points of Agreement on Malayan Railway Land in Singapore between the Government of Malaysia and the Government of Singapore and the Joint Statement on Singapore-Malaysia Leaders’ Retreat of 24 May 2010*” yang telah ditandatangani oleh kedua-dua Kerajaan pada 27 Jun 2011, antara usahasama perniagaan yang telah dijanakan adalah penubuhan sebuah syarikat usahasama antara Khazanah Nasional dan Temasek Holdings yang bernama “*M+S Pte. Ltd.*” bagi membangunkan empat bidang tanah di Marina South dan dua bidang tanah di Ophir/Rochor.

8. Kesemua empat bidang tanah di Marina South dan dua bidang tanah di Ophir/Rochor akan dimajukan oleh M+S Ptd Ltd sebagai projek pembangunan bersepadu. Bagi melaksanakan projek pembangunan tersebut, M+S Ptd Ltd telah melantik Mapletree Project Management Pte Ltd ("Mapletree") dan Sunrise MS Pte Ltd ("UEMSunrise"), sebuah anak syarikat UEM Land Holdings Berhad, sebagai Pengurus Projek bagi pembangunan di Marina South dan melantik Capitaland Limited dan UEMSunrise sebagai Pengurus Projek bagi pembangunan di Ophir/Rochor.

9. Projek-projek pembangunan dijangka bermula dalam tahun 2013 dan akan disiapkan dalam tempoh enam tahun. Projek-projek tersebut akan melibatkan pembinaan bangunan-bangunan yang terdiri daripada ruang pejabat, kediaman, hotel dan lot-lot komersil.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Penyelesaian isu POA telah membawa fasa baru dalam hubungan antara Malaysia dan Singapura di mana kedua-dua negara kini lebih komited dan mempunyai banyak peluang untuk meningkatkan kerjasama erat untuk manfaat bersama. Selain usahasama pembangunan tanah-tanah di Marina South dan di Ophir/Rochor menerusi M+S Ptd Ltd, kedua-dua negara telah bersetuju dengan pelbagai inisiatif baru termasuk penglibatan aktif Singapura dalam pembangunan di Iskandar Malaysia.

11. Dalam kerjasama yang dilihat saling menguntungkan ini,

kedua-dua negara dapat menjalinkan hubungan yang lebih akrab dan bergerak bersama ke hadapan dengan lebih dinamik dan berdaya maju. Dalam hal ini, sebarang isu dua-hala antara Malaysia dengan Singapura diyakini akan dapat diselesaikan dalam suasana yang positif demi kepentingan dan kemakmuran bersama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOKSENA]

TARIKH 18 JUN 2012

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

adakah SPAD telah mengeluarkan kebenaran atau permit bagi van-van pelancong asing daripada Thailand untuk beroperasi mengangkut pelancong di dalam kawasan Malaysia.

SOALAN N0.47

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak pernah mengeluarkan sebarang permit kepada van-van persiaran dari negara jiran bagi membawa pelancong di dalam kawasan Malaysia.

Untuk makluman, "*International Circulation Permit*" (ICP) adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di mana pemohon boleh memohon untuk mendapatkan kebenaran dari JPJ untuk memasuki Malaysia melalui ICP tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH

12 JUN 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakari sumber kewangan untuk membiayai bayaran 'durian runtuh' sebanyak RM1.68 bilion kepada peneroka FELDA. Apakah asas atau formula yang digunakan untuk menentukan jumlah RM 15,000 kepada peneroka, isteri dan anak peneroka. Bagaimanakah dan bilakah pembayaran tersebut dapat diselesaikan.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi fasa pertama pembayaran duit durian runtuh,ia dibiayai oleh FELDA dengan menggunakan dana dalaman sementara menerima imbuhan melalui penjualan saham di FGVH yang

perlu disalurkan kepada FELDA selewatnya pada akhir Julai 2012. Pembayaran bagi fasa kedua dan ketiga pula akan menggunakan wang imbuhan yang akan diterima daripada FELDA Global Ventures Sdn. Bhd. (FGVH) yang dijangka akan mula dibayar pada Julai 2012. Pembayaran bagi fasa pertama sebanyak RM5.000 telahpun selesai dibayar pada Mei 2012.

Asas atau formula yang digunakan untuk menentukan jumlah RM 15,000 diberikan kepada peneroka, isteri peneroka dan anak peneroka adalah berdasarkan kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Kategori 1 : Peneroka dan Penerokawati asal
 - Layak menerima RM5.000 seorang (Kuota Peneroka)
- ii. Kategori 2 : Peneroka dan Penerokawati ganti
 - Layak menerima RM5.000 seorang (Kuota Peneroka)
- iii. Kategori 3 : Bapa Tunggal/ Ibu Tunggal
 - Layak menerima RM5.000 untuk suami dan isteri (Kuota Peneroka dan isteri peneroka)
- iv. Kategori 4 : Peneroka yang mempunyai lebih dari seorang isteri
 - Menerima RM5,000 sahaja dan dibahagi sama rata (Kuota Isteri)
- v. Kategori 5 : Anak Peneroka
 - Layak menerima RM5.000 untuk semua anak yang masih hidup dan anak itu termasuklah anak bekas isteri dibahagikan sama rata (Kuota Anak)

- vi. **Kategori 6** : Anak Angkat/ Anak Tiri
- Layak menerima sekiranya didaftarkan dan dengan syarat tinggal bersama dengan peneroka (Kuota Anak)
- vii. **Kategori 7** : Pentadbir Hak Milik
- Layak menerima RM 15,000 dan diagihkan mengikut faraid/ keputusan bicara kuasa/ muafakat bersama waris (Kuota untuk Semua Kategori)
- viii. **Kategori 8**: Peneroka/Penerokawati Meninggal-Pengganti/Pentadbir Belum Dilantik
- Layak dibayar kepada waris yang dilantik (kuota Untuk Semua Kategori)
- ix. **Kategori 9** : Petugas Sebagai Pewaris/Pengganti Peneroka
- Layak Menerima BIKP dan Bayaran Insentif Untuk Petugas (Kuota Peneroka dan Petugas)
- x. **Kategori 10** : Isteri peneroka yang sama-sama masuk rancangan telah diceraikan dan tinggal di rancangan. Peneroka tinggal dengan isteri baru di luar rancangan
- Bekas Isteri peneroka layak kerana sama-sama masuk rancangan. Disyorkan dibahagikan antara bekas isteri dengan isteri semasa (Dibahagi Samarata) (Kuota Isteri).
- xi. **Kategori 11** : Peneroka yang mempunyai 2 lot kebun di rancangan

yang berlainan. 1 lot sebagai pengganti

- Layak menerima bayaran kuota di satu rancangan sahaja.

xii. Kategori 12 : Peneroka yang menjual tanah dan pembeli tanah

- Tidak layak menerima BIKP kerana bukan berstatus peneroka. Walaupun nama masih ada dalam paysheet. Peneroka yang menjual juga tidak layak kerana hilang kelayakan sebagai peneroka.

xiii. Kategori 13 : Peneroka yang bercerai dengan isteri yang sama-sama masuk ke rancangan. Peneroka tinggal di rancangan, isteri tinggal di luar. Kedua-dua mereka belum berkahwin lain.

- Layak menerima RM5,000.00 sahaja. Dibahagi samarata antara suami dan bekas isteri (Kuota Isteri)

xiv. Kategori 14 : Peneroka yang bercerai dengan isteri yang sama-sama masuk ke rancangan. Peneroka tinggal di luar, isteri tinggal di rancangan. Kedua-dua mereka belum berkahwin lain.

- Layak menerima RM5,000.00 sahaja. Dibahagi samarata antara suami dan bekas isteri. (Kuota Isteri)

xv. Kategori 15 : Peneroka yang bercerai dengan isteri yang sama-sama masuk ke rancangan. Isteri tersebut telah berkahwin lain.

- Tidak layak. Kuota isteri akan diperoleh peneroka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan, FELDA memperuntukkan sejumlah RM1.68 bilion untuk membayar durian runtuh

kepada sejumlah 112,635 peneroka seluruh negara.

oooooooooooooooooooo

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]

TARIKH

12 Jun 2012 (Selasa)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah untuk membantu para nelayan yang masih belum mendapat Elaun Sara Hidup (ESH) kerana tiada Kad Nelayan disebabkan Kementerian lambat bertindak.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia hanya mengeluarkan Kad Nelayan kepada warganegara Malaysia yang memiliki vesel menangkap ikan atau bekerja di atas vesel menangkap ikan. Selain itu, individu tersebut perlu bekerja sekurang-kurangnya 120 hari setahun sebagai nelayan dan punca pendapatan utama adalah daripada aktiviti menangkap ikan.

Mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak layak untuk diberi Kad Nelayan. Proses pengeluaran Kad Nelayan dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri. Tiada kelewatan berlaku sekiranya pemohon memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pula telah mengadakan Majlis Penyampaian Elaun Sara Hidup Secara Tunai pada setiap bulan di peringkat negeri dan kawasan yang bermatlamat untuk bertemu dengan kumpulan sasar secara berkala. Dalam majlis berkenaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah membuka kaunter-kaunter penerangan bagi memberi penjelasan ke atas masalah dan isu berbangkit berkaitan nelayan termasuk penerangan cara-cara untuk membuat permohonan bagi mendapatkan Kad Nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

NO. SOALAN: 4*

SO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan pecahan perbelanjaan lawatan Perdana Menteri ke United Kingdom, Amerika Syarikat dan Sepanyol. Berapakah hari dalam lawatan ini adalah urusan peribadi dan berapa hari adalah urusan rasmi.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan perbelanjaan bagi lawatan YAB Perdana Menteri dan Delegasi ke United Kindom dan Amerika Syarikat bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

NO. SOALAN: 44

BIL			TARIKH	AMAUN (RM)
1	London	Lawatan kerja untuk menghadiri jemputan Majlis Resepsi yang dihoskan oleh Putera Charles	13-15 Mei 2012	849,175.33
2	New York	Lawatan kerja untuk menghadiri mesyuarat Global Science and Innovation Advisory Council	15-18 Mei 2012	1,606,402.75
3	Washington	Pegawai mengiringi lawatan peribadi YAB Perdana Menteri	19-24 Mei 2012	452,985.74
		P		2,908,563.82 iMni

Lawatan ke United Kindom bermula pada 13 Mei hingga 15 Mei 2012. Manakala bagi lawatan ke Amerika Syarikat bermula pada 15 Mei hingga 24 Mei 2012. Untuk makluman, tiada lawatan dilakukan ke Sepanyol.

13 Mei hingga 18 Mei 2012 adalah merupakan lawatan rasmi YAB Perdana Menteri. Manakala, 19 Mei hingga 24 Mei 2012 adalah merupakan lawatan peribadi YAB Perdana Menteri.

Sepanjang tempoh lawatan peribadi, Kerajaan hanya membiayai perbelanjaan pegawai Kerajaan yang mengiringi YAB Perdana Menteri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN

Daripada

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]

Tarikh Menjawab

12 Jun 2012 [Selasa]

Soalan

No. 51

PR-1252-L50584

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan adakah pihak Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja Sarawak berhasrat untuk mengkaji semula jumlah tenaga kerja asing warga Indonesia bagi sektor perladangan memandangkan kelulusan yang diluluskan adalah terlalu sedikit iaitu 7 ekar nisbah 1 tenaga kerja seperti yang disyorkan MPOB dan senario ini telah menyebabkan pengusaha perladangan terpaksa mengambil pekerja asing tanpa izin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Negeri Sarawak, nisbah yang ditetapkan adalah seorang pekerja asing bagi setiap 7 hektar tanaman sawit berbanding dengan Semenanjung di mana seorang pekerja asing bagi setiap 8 hektar tanaman sawit. Nisbah ini ditetapkan berdasarkan kepada kajian Kementerian bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan mengambil kira situasi penawaran pekerja tempatan.

Kelulusan pengambilan pekerja asing di Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Permohonan pekerja asing dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Lokalisasi Pekerja Bukan Pemastautin (*None Resident Employee*) yang dianggotai oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pembangunan Industri Sarawak dan *Sarawak Timber Industry Development Corporation*.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula nisbah pekerja asing kepada keluasan tanaman.

Tuan Yang Di Pertua

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) perihatin terhadap isu kekurangan pekerja dan kebergantungan kepada pekerja asing di sektor perladangan. Dalam hal ini, MPIC menggalakkan industri mempergiatkan langkah-langkah mekanisasi termasuk penggunaan

penuai sawit bermotor yang dikenali sebagai Cantas. Hasil kajian yang dijalankan mendapati penggunaan Cantas dapat meningkatkan produktiviti penuai dari 1.4 tan tandan buah sawit/hari kepada 2.7 tan tandan buah sawit/hari (peningkatan melebihi 90%). Selain itu, Kementerian juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan industri berhubung dengan cara-cara bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh. Ini termasuk menganjurkan *Palm Industry Labour: Issues, Performance & Sustainability Seminar* (PI LI PS) pada 14-15 Mei 2012 bagi mengenalpasti langkah-langkah bagi mempergiatkan aktiviti- aktiviti mekanisasi.

4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO¹ HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]

TARIKH 18 JUN 2012

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA

MENTERI menyatakan:-

adakah SPAD telah mengeluarkan kebenaran atau permit bagi van-van pelancong asing daripada Thailand untuk beroperasi

SOALAN NO^K**

mengangkut pelancong di dalam kawasan Malaysia.

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak pernah mengeluarkan sebarang permit kepada van-van persiaran dari negara jiran bagi membawa pelancong di dalam kawasan Malaysia. Untuk makluman, "*International Circulation Permit*" (ICP) adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di mana pemohon boleh memohon untuk

SOALAN NO.48

mendapatkan kebenaran dari JPJ untuk memasuki Malaysia
melalui ICP tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]
TARIKH	12 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengecilkan ruang kawalan guru-guru dengan menambah bilangan sekolah kebangsaan sedia ada supaya jumlah pelajar dalam setiap kelas dapat dikurangkan untuk mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar dan menjayakan pelaksanaan amalan Guru Penyayang demi mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha mengurangkan kesesakan fizikal sesebuah sekolah dengan mengemukakan cadangan pembinaan blok tambahan bagi sekolah sedia ada dan sekolah baru melalui *Rolling Plan* RMKe-10 berdasarkan keperluan secara berperingkat di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pelaksanaan cadangan tersebut adalah tertakluk kepada keutamaan dan kemampuan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemahiran guru dalam pengurusan kelas turut memainkan peranan penting dalam mengawal disiplin murid walaupun sesebuah kelas itu mengalami kesesakan. Sehubungan itu, antara usaha yang dilakukan oleh KPM dengan melaksanakan program **Amalan Guru Penyayang** yang menekankan aspek nilai kasih sayang serta sifat kepedulian (*care and*

concern) terhadap murid. Objektif utama kepada pelaksanaan program ini adalah agar guru-guru dapat menjiwai amalan penyayang sebagai budaya guru serta menginsafi bahawa kehadiran murid merupakan rahmat kepada sekolah. Terdapat tiga (3) aktiviti dalam program ini iaitu;

- i. Mengalu-alukan Kehadiran Murid
- ii. Memberi Penghargaan Kepada Murid
- iii. Program Mentor Mentee

■go-
StfALAK) - -
N07-AUM-51-
-NO-AUP ÷

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING]
12 JUN 2012
TARIKH 4778
RUJUKAN SOALAN:

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani
gejala dadah yang merebak ke luar bandar.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dalam usaha menangani permasalahan dadah di seluruh kawasan di Malaysia termasuk kawasan di luar bandar.

Program tersebut meliputi empat (4) aspek iaitu:

1) Program Pencegahan:

Di bawah Program Pencegahan, fokus AADK adalah untuk memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada komuniti melalui empat (4) strategi utama iaitu Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah.

2) Program Rawatan dan Pemulihan:

AADK turut menyediakan perkhidmatan rawatan, perubatan dan pemulihan yang berkonsepkan *open access* melalui penubuhan Klinik *Cure & Care* 1 Malaysia (Klinik C & C 1 Malaysia) di mana individu boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut secara sukarela, tiada ikatan perundangan dan tiada pra syarat.

Di samping itu, terdapat juga pelaksanaan Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin

(Cure & Care Service Centre / CCSC) yang ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan sosial kepada golongan penagih dadah termasuk keluarga dan majikan.

AADK turut memperkenalkan *Caring Community House* (CCH) sebagai pusat singgah masuk atau pusat khidmat harian bagi tujuan memperkasakan masyarakat setempat dalam membantu pelaksanaan program pemulihan dadah dalam komuniti.

3) Program Pengesanan:

AADK juga melaksanakan aktiviti *outreach* bagi memujuk penagih mendapatkan rawatan secara sukarela.

Selain itu, melalui program ini AADK turut memantau dan menyeliaikan Orang Kena Pengawasan (OKP) bagi mematuhi syarat-syarat pengawasan yang telah ditetapkan dalam Seksyen 6 (2)(a) - (f) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

4) Gelombang Kesukarelaan:

AADK turut melancarkan SKUAD 1 Malaysia bagi menggerakkan gelombang kesukarelaan di kalangan masyarakat untuk membantu Kerajaan dalam menangani permasalahan dadah.

Soalan No: 55

v

LISAN

YUSMADI BIN

12 JUN 2012

11

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat luar bandar di kawasan Parlimen Balik Pulau, Pulau Pinang, Kementerian melalui FELCRA Berhad telah memajukan sebanyak 7 buah projek tanaman kelapa sawit dengan keluasan 240 hektar yang melibatkan seramai 629 orang peserta.

Selain itu, FELCRA Berhad juga bersedia untuk melaksanakan pembangunan semula projek-projek tersebut dengan tanaman kelapa sawit melalui Program Tanaman Semula sekiranya dipersetujui oleh pemilik- pemilik tanah bagi tujuan memastikan tanah-tanah berkenaan dapat dimanfaatkan selepas tamat tempoh perjanjian.

SOALAN NO : 56

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

:TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH

:12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

:TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah kos import daging setelah NFC gagal.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Sehingga kini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mendapati tiada peningkatan dalam kos mengimport daging. Harga import daging di pasaran pada masa ini tidak banyak berubah iaitu sekitar RM13 ke RM14 sekilogram. Kos mengimport daging boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kos pengeluaran, kos pengangkutan dan logistik serta kadar pertukaran wang asing dan tidak dipengaruhi oleh pengeluaran daging dalam negara.

SOALAN NO: 57

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]

TARIKH

12 Jun 2012 (Selasa)

SOALAN

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan sejauh manakah kejayaan Program Transformasi (GTP) membantu mengkomersialkan herba tempatan seperti stevia.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Stevia bukanlah herba tempatan dan ia tidak disenaraikan sebagai salah satu herba tumpuan di bawah program NKEA Pertanian, EPP1: Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi.

Buat masa ini, Program Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi di bawah NKEA Pertanian memfokuskan kepada 5 jenis tanaman herba iaitu Tongkat Ali, Misai Kucing, Kacip Fatimah. Dukung Anak dan Hempedu Bumi.

I

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN IR. HAJI HAMIM SAMURI
KAWASAN	LEDAN
TARIKH	G 12.6.2012 (SELASA)
NO. SOALAN	58

Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM SAMURI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai ke atas dasar automotif negara kita.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) telah diperkenalkan pada 22 Mac 2006 bertujuan untuk membantu usaha transformasi dan integrasi industri automotif tempatan ke dalam jaringan industri serantau dan global dalam persekitaran yang semakin liberal dan kompetitif.

Kajian semula ke atas NAP telah diumumkan pada 28 Oktober 2009 di mana beberapa dasar dan langkah-langkah baru diperkenalkan bertujuan memastikan pembangunan industri automotif tempatan yang terancang dan tersusun serta meningkatkan keupayaan dan daya saing industri dalam jangka panjang.

Kejayaan NAP sejak diperkenalkan pada tahun 2006 dapat dilihat berdasarkan prestasi dalam kemasukan pelaburan sama ada domestik atau pelaburan asing, pengeluaran dan jualan kenderaan bagi tempoh 2005 hingga 2011.

Dari segi pelaburan yang diluluskan, tahun 2011 mencatatkan jumlah tertinggi sejak NAP dilaksanakan iaitu sebanyak RM3.3 bilion, meningkat lebih 200 peratus berbanding RM1.1 bilion pada tahun 2005. Jumlah pelaburan asing turut meningkat lebih 100 peratus kepada RM783.7 juta berbanding RM371 juta pada tahun 2005. Namun demikian, prestasi yang lebih memberangsangkan telah dicatatkan oleh pelaburan domestik di mana meningkat hampir tiga kali ganda daripada RM729 juta pada tahun 2005 kepada RM2.5 bilion pada tahun 2011.

Peningkatan ini lebih ketara mulai tahun 2010 apabila di bawah kajian semula NAP yang dilaksanakan mulai 1 Januari 2010, pembekuan ke atas pengeluaran Lesen Pengilang baru bagi menjalankan aktiviti pengilangan atau pemasangan kenderaan, khususnya kenderaan penumpang melebihi kapasiti enjin 1,800 c.c., kenderaan perdagangan dan jenis *pick-up* serta motosikal melebihi 200 c.c. telah ditarik balik. Selain itu, Lesen Pengilang baru juga turut dikeluarkan secara terbuka bagi segmen kenderaan hibrid dan elektrik.

Sementara itu, jualan kenderaan penumpang dan perdagangan pada tahun 2011 turut mencatat peningkatan sebanyak 9 peratus kepada 600,123 unit berbanding 551,042 unit pada tahun 2005. Namun demikian, ia merosot sebanyak 0.8 peratus berbanding tahun 2010 yang mencatat jumlah jualan tertinggi sebanyak 605,056 unit.

Kemerosotan ini disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain, kesan gempa bumi dan tsunami di Jepun, kesan banjir yang melanda Thailand serta sentimen pengguna terhadap ketidaktentuan pasaran. Walau bagaimanapun, jualan motosikal pada tahun 2011 telah meningkat sebanyak 9.4 peratus kepada 494,586 unit berbanding 452,224 unit pada tahun 2005.

Dari segi eksport, komponen dan alat ganti turut menunjukkan peningkatan yang ketara daripada RM2.1 bilion pada tahun 2005 kepada RM5.2 bilion pada tahun 2011.

Bagi menggalakkan pembangunan kenderaan hibrid dan elektrik, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah membangunkan satu pelan hala tuju bagi pembangunan infrastruktur kenderaan elektrik.

Di bawah pelan hala tuju ini, KeTTHA bekerjasama dengan pihak PROTON untuk menjalankan program, dengan izin, *Fleet Test Vehicle* (FTV) yang melibatkan kenderaan hibrid dan elektrik keluaran PROTON bagi mengkaji beberapa aspek berhubung teknologi dan kawal selia kenderaan hibrid dan elektrik serta tingkah laku pengguna bagi mengumpul data-data teknikal berkaitan untuk analisis dan diagnostik seterusnya bagi membantu menyediakan pelan hala tuju tersebut.

Pembangunan kemudahan infrastruktur bagi menyokong penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik ini dijangka dapat menggalakkan rakyat Malaysia untuk memiliki lebih banyak kenderaan mesra alam sekitar pada masa akan datang.

Selain daripada itu, Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi (MOSTI)

dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga telah membangunkan satu pelan hala tuju pembangunan standard mandatori bagi memastikan tahap keselamatan komponen dan alat ganti kenderaan.

Sehingga 1 Januari 2012, sebanyak 54 peraturan berkaitan keselamatan kenderaan telah diwartakan oleh JPJ. Di samping itu, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) turut mewartakan piawaian bagi helmet dan tayar motosikal yang akan berkuatkuasa mulai 1 September 2012.

**DARIPADA : Y.B. DATO¹ SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG
(MARANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2012

Y.B. DATO¹ SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pemberian royalti petroleum kepada Negeri Terengganu selepas penarikan balik saman Kerajaan Negeri Terengganu terhadap PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan baru-baru ini, adakah pemberian tersebut atas nama royalti petroleum sepertimana sebelum tahun 2000 atau Wang Ehsan.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai 1 Disember 2000 bayaran tunai yang diterima dari PETRONAS dimasukkan dalam Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan dan kemudiannya⁴ disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Perkara ini kekal sehingga hari ini.

NO SOALAN :

60 PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN
PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT
TARIKH LISAN
YB DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN
12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sepanjang tempoh pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), berapakah jumlah pelatih yang meninggal dunia dan mengalami kecacatan kekal semasa dalam tempoh latihan mereka.

Berapakah pula jumlah pampasan yang telah pihak Kerajaan
keluarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tempoh pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), sebanyak 19 kes kematian pelatih telah berlaku sewaktu di dalam kem. Kematian pelatih adalah disebabkan oleh pelbagai punca termasuklah masalah kesihatan pelatih itu sendiri.

Berhubung dengan bilangan kecederaan kekal (yang dirujuk oleh YB Bukit Gantang sebagai kecacatan kekal), sehingga kini terdapat 21 kes kecederaan kekal mengikut tafsiran polisi insurans yang direkodkan oleh Jabatan.

Jumlah pampasan yang telah dibayar oleh kerajaan melalui perlindungan insurans kepada pelatih yang meliputi kemalangan, kecederaan, kesakitan malah kematian sepanjang tempoh latihan sejak pelaksanaan PLKN pada tahun 2004 adalah sebanyak RM8.3 juta.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa semua kem PLKN di seluruh negara tidak akan berkompromi dari segi aspek keselamatan pelatih-pelatih dan sentiasa berusaha memastikan

Tuan Yang Dipertua,

latihan-latihan dilaksanakan dalam persekitaran yang baik.

SOALAN NO.: 61

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYA : LISAN
AN YB. DATUK NUR JAZLAN
DARIPADA : BIN MOHAMED
KAWASAN : PULAI
TARIKH 12 JUN 2012(SELASA)

SOALAN:

YB. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI) minta MENTERI KERJA RAYA status rundingan dengan pemegang konsesi Projek Lebuhraya Utara Selatan dalam mengekal, mengurang atau menghapuskan kadar tol di lebuhraya berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada tahun lalu telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan UEM Group Berhad (UEM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) - iaitu pemegang saham utama konsesi PLUS - bagi memuktamadkan cadangan penstrukturan semula kadar tol dan perjanjian-perjanjian konsesi lebuhraya terlibat. Rundingan tersebut berasaskan kepada cadangan pengambilalihan aset dan liabiliti PLUS Expressways Berhad oleh entiti yang baru. Dalam masa yang sama, pakej rundingan turut melibatkan cadangan penstrukturan semula kadar tol lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian syarikat berkenaan.

Sehubungan itu, Perjanjian Konsesi Tambahan PLUS telah dimuktamadkan pada November 2011 di mana ia telah menetapkan antara lain tiada kenaikan kadar tol untuk lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian PLUS (termasuk Jambatan Pulau Pinang) bagi tempoh selama 5 tahun (2011 - 2015), dan tarikh tamat konsesi untuk kesemua lebuhraya tersebut diselaraskan ke 31 Disember 2038. Menerusi penstrukturan semula ini, kadar kenaikan tol selepas tahun 2015 untuk lebuhraya PLUS telah diselaraskan kepada 5% untuk tempoh setiap 3 tahun berbanding 10% untuk setiap 3 tahun berdasarkan perjanjian konsesi terdahulu. Walau bagaimanapun, Jambatan Pulau Pinang terkecuali daripada kenaikan kadar tol ini dan kadar semasa akan terus kekal sehingga tamat tempoh konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan daripada masa ke semasa sentiasa mengadakan perbincangan dengan syarikat- syarikat konsesi, termasuk PLUS untuk mencari jalan bagi memastikan kadar tol lebuh raya di negara ini tidak terlalu membebankan pengguna. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga akan terus menggalakkan semua syarikat konsesi meneruskan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) seperti pemberian rebat dan diskaun tol kepada para pengguna lebuh raya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. : 62

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status rancangan pemulihan dan pengekalan hutan simpanan paya bakau di kawasan Sungai Pulai dan Sungai Lebam disebabkan oleh ancaman projek petrokimia. Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan yang disediakan untuk memulihara kawasan hutan bakau tersebut.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Sg Pulau dan HSK Sg Lebam adalah seluas lebih kurang 8,353.23 hektar dan 2,265.50 hektar masing-masing. HSK Sg Pulau telah dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran manakala HSK Sg Lebam dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan.

Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA-Environmental Impact Assessment) telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 23 Julai 2007 yang melibatkan penyediaan tapak bagi pembangunan industri petrokimia di Mukim Sungai Serkat.

Manakala, bagi pembangunan industri petrokimia itu di atas tapak projek, penggerak projek dikehendaki mengemukakan laporan EIA secara berasingan dengan skop kajian yang komprehensif dan terperinci.

Kesesuaian pembangunan dan jarak yang selamat (zon penamparan) di antara aktiviti industri ini dengan penempatan penduduk dan kawasan sensitif alam sekitar di kawasan, iaitu hutan simpanan paya bakau di kawasan Sungai Pulau dan Sungai Lebam adalah berdasarkan kepada keputusan ramalan impak di dalam kajian EIA bagi pembinaan industri petrokimia.

Syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang ketat dikenakan kepada penggerak projek bagi memastikan jarak zon penamparan yang mencukupi disediakan dan diambil kira di dalam perancangan dan pelaksanaan projek ini. Ini bagi memastikan kawasan penempatan penduduk dan

hutan simpan di sekitar projek adalah tidak dicemari dengan operasi projek ini. Di samping itu, syarat-syarat pematuhan kepada pelepasan air, udara, kumbahan dan bunyi bising perlu dipatuhi sepenuhnya oleh penggerak projek dengan penguatkuasaan yang ketat daripada Jabatan Alam Sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM 957,793.00 telah dibelanjakan untuk projek pemulihan kawasan bakau di HSK Sg. Pulai dengan keluasan lebih kurang 98 hektar dengan hampir 303,800 pokok bakau berjaya ditanam.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDARKUCHING]

TARIKH : 12 JUN 2012

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendapatan per kapita Malaysia setakat 31 Mei 2012 dan apakah pengagihan pendapatan tersebut di antara rakyat Malaysia, ianya peratusan penduduk dalam setiap tahap pendapatan. Apakah angka tersebut untuk negeri Sarawak.

JAWAPAN

Purata pendapatan per kapita bagi Malaysia yang diperoleh daripada Penyiasatan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pendapatan Isi Rumah (PIR) 2009 adalah sebanyak RM1.168 sebulan berbanding RM1.028 sebulan pada tahun 2007. Bagi Negeri Sarawak, pendapatan per kapita pada tahun 2009 ialah RM974 sebulan manakala pada tahun 2007 ialah RM899 sebulan.

Pendapatan per kapita kumpulan isi rumah berpendapatan rendah iaitu kumpulan isi rumah 40 peratus terendah di peringkat Malaysia pada tahun 2009 ialah RM404 sebulan. Kumpulan 40 peratus isi rumah pertengahan (*middle income class*) ialah RM1.056 sebulan dan bagi peringkat isi rumah 20 peratus teratas, purata pendapatan per kapita ialah RM3.124 sebulan.

Bagi Negeri Sarawak, pendapatan per kapita mengikut kumpulan isi rumah adalah seperti berikut:

- i) Kumpulan isi rumah 40 peratus terendah - pendapatan per kapita adalah RM312 sebulan;
- ii) Kumpulan isi rumah 40 peratus pertengahan - pendapatan per kapita adalah RM822 sebulan
- iii) Kumpulan isi rumah 20 peratus teratas - pendapatan per kapita adalah RM2,600 sebulan.

NO. SOALAN : 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUAKIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 12JUN2012

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan terma-terma Lebu Raya Pantai Barat (WCE) termasuk anggaran tol yang akan dikenakan dan pulangan kepada pihak konsesi mengikut jangkaan kos pembinaan sebanyak RM7.1 bilion.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih diperingkat rundingan dengan syarikat konsesi mengenai terma-terma perjanjian. Oleh yang demikian, adalah *pre-mature* bagi Kerajaan untuk memberikan sebarang maklum balas mengenai perkara ini.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DR. MUJAHID BIN HAJI
YUSOF RAWA (PARIT
BUNTAR)**

TARIKH

12 JUN 2012

SOALAN

64

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan berapakah penduduk luar bandar yang masih tidak mendapat kemudahan infrastruktur asas berbanding dengan keseluruhan penduduk luar bandar di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak lima dekad yang lalu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah berusaha bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur asas luar bandar. Secara umumnya, usaha ini adalah meliputi kawasan luar bandar yang pada masa kini terdiri daripada **8.21 juta penduduk** atau kira-kira **29.0 peratus** daripada jumlah penduduk Malaysia.

Berdasarkan kepada Laporan Ekonomi 2011/2012 oleh Kementerian Kewangan Malaysia, sebanyak **6.3 peratus** daripada penduduk luar bandar masih tidak mendapat kemudahan **bekalan elektrik** manakala **10.3 peratus** tidak mendapat akses kemudahan **bekalan air** luar bandar. Selain itu, berdasarkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan 2011, hampir **8.0 peratus** penduduk luar bandar masih belum dihubungi oleh **jalan yang berturap**.

NO SOALAN :

DARIPADA : PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
: **Y.B. DATUK WIRA AHMADBINHAMZAH**
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
(JASIN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2012

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tahap kekukuhan/kelemahan institusi perbankan dan kewangan negara ini berpandukan indikator-indikator yang relevan dan inisiatif baru yang akan diambil untuk memantapkannya lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, institusi perbankan dan industri kewangan adalah pada tahap yang kukuh. Sektor perbankan Malaysia juga terus menyokong aktiviti ekonomi. Institusi-institusi perbankan turut merekodkan nilai-nilai indikator yang kukuh. Kedudukan permodalan industri perbankan terus teguh selaras dengan peningkatan operasi perniagaan. Pada akhir bulan April 2012, nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*) sektor perbankan berada pada tahap 14.5% serta modal lebihan (melebihi kadar minima 8%) sebanyak RM70 bilion. Industri perbankan juga kekal keberuntungannya dengan pulangan atas aset (*return on assets*) berada pada tahap 1.5%. Kadar pinjaman terjejas bersih (*net impaired loans ratio*) pula kekal rendah pada tahap 1.8%.

2. Sektor insurans Malaysia juga turut berkembang mampan, dengan peningkatan dalam semua kelas insurans am dan hayat. Setakat akhir bulan April 2012, premium langsung kasar (*gross direct premiums*) insurans am telah meningkat sebanyak 14.2% berbanding tahun lepas, sementara premium baharu [*new business premiums*] insurans hayat menunjuk peningkatan sebanyak 6.5%. Permodalan industri insurans kekal di tahap yang kukuh dengan nisbah

kecukupan modal sebanyak 224.8% pada akhir suku pertama 2012. Sebagai usaha mengukuhkan tahap ketelusan (*transparency*), Bank Negara Malaysia menyiarkan kedudukan perkembangan industri perbankan setiap suku tahun di mana maklumat terperinci didedahkan untuk makluman awam.

3. Ba
nk Negara Malaysia telah mengambil langkah proaktif dalam usahanya untuk memperkukuh dan membangunkan sektor kewangan Malaysia. Pada bulan Disember 2011, Bank Negara Malaysia telah melancarkan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 (*Financial Sector Blueprint 2011-2020*) yang merupakan suatu pelan jangka panjang yang menyeluruh dengan tujuan untuk menyokong dan menerajui ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Antara saranan dan inisiatif Pelan Sektor Kewangan yang bertujuan untuk memantapkan sektor kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan mutu perkhidmatan institusi kewangan dalam penyediaan perkhidmatan kewangan dan pengendalian perniagaan;
- (ii) Memudahkan perkembangan institusi kewangan tempatan melalui hubungan rentas sempadan sektor kewangan yang lebih mendalam dengan ekonomi serantau dan menggalakkan penyertaan asing melalui pendekatan strategik dan terurus derii kepentingan terbaik Malaysia;
- (iii) Memberi lebih fleksibiliti operasi kepada institusi kewangan sedia ada dengan menubuhkan saluran penyampaian luar cawangan (*non-branch delivery channels*), demi menggalakkan rangkuman kewangan serta mempercepat migrasi kepada pembayaran elektronik; dan

SOALAN NO. 66

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA YB TUAN LIANG TECK MENG

[SIMPANG RENGAM]

TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan apakah strategi-strategi bagi membantu ibu tunggal
memandangkan kes-kes bunuh diri anak-anak daripada keluarga ibu atau
bapa tunggal semakin menjadi-jadi kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius isu-isu sosial yang dihadapi oleh ahli keluarga terutama ibu atau bapa tunggal dan anak-anak mereka yang menghadapi tekanan dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam konteks ini, agensi-agensi di bawah KPWKM seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan beberapa perkhidmatan bagi membantu anggota masyarakat, termasuk ibu atau bapa tunggal dan anak-anak. Antaranya ialah:

1. Perkhidmatan Kaunseling oleh Agensi KPWKM

KPWKM menyediakan perkhidmatan kaunseling menerusi 182 orang kaunselor di Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2 orang kaunselor tetap serta 15 orang pegawai pembangunan masyarakat di Jabatan

Pembangunan Wanita dan 15 orang kaunselor tetap serta 67 orang kaunselor panel di Pusat Keluarga LPPKN di seluruh negara.

Perkhidmatan kaunseling ini telah dimanfaatkan oleh seramai 2,018 orang pada tahun 2010 dan 2,391 orang pada tahun 2011. Daripada jumlah di atas sebanyak 241 kes kaunseling keluarga telah diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2010 hingga 2011;

2. Kaunseling Talian Nur 15999 dan *ChildLine*

Kementerian turut menyediakan perkhidmatan kaunseling menerusi Talian Nur 15999 dan *ChildLine* yang beroperasi selama 24 jam sehari dan 365 hari setahun sebagai saluran alternatif kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Kaunselor yang menerima rujukan kes daripada Talian Nur dan *ChildLine* akan menjalankan sesi kaunseling bagi membantu mereka yang menghadapi masalah. Intervensi krisis akan dijalankan sekiranya kaunselor mendapati klien menghadapi masalah kritikal seperti cubaan membunuh diri;

3. Pengurusan Stres

Kementerian melalui JPW dan JKM telah melaksanakan program Pengurusan

Stres bagi menangani isu tekanan dalam kehidupan. Program ini menggunakan pendekatan kaunseling keluarga bertujuan memberi pendedahan mengenai aspek humanistik, kemahiran asas kaunseling, psikologi pengurusan keluarga dan teknik pengurusan stres yang berkesan. Seramai 11,039 peserta telah menghadiri program ini sejak diperkenalkan dari tahun 2009 hingga 2011 di seluruh negara. Program ini dapat memberi kesedaran kepada keluarga agar sentiasa berkongsi masalah dan tidak membuat tindakan negatif;

SMARTbelanja@LPPKN

Program pengurusan kewangan keluarga SMARTbelanja@LPPKN dijalankan bagi mendidik dan memberi panduan kepada ahli keluarga khususnya bapa dalam menguruskan perbelanjaan keluarga. Sebanyak 144 program SMARTbelanja@LPPKN telah diadakan di seluruh negara sejak tahun 2008 sehingga bulan April 2012 dengan penyertaan seramai 8,259 orang ahli keluarga. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);

Kursus 'Ilmu Keluarga@LPPKN'

Siri kursus Ilmu Keluarga@LPPKN diadakan setiap bulan di setiap negeri untuk memantapkan kemahiran ibu bapa dalam mendidik anakremaja dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan

kekeluargaan. Sejak tahun 2006 hingga bulan April 2012, sejumlah 7,360 kursus telah diadakan di seluruh negara, melibatkan penyertaan seramai 790,968 orang peserta. Pelaksanaan kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang mengandungi tiga aspek keibubapaan iaitu:

- keibubapaan anak kecil;
- keibubapaan anak remaja; dan
- kebapaan (*fatherhood*);

Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*)

Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) khusus untuk ibu bapa yang bekerja di sektor awam atau swasta telah diperkenalkan sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga (*work life balance*). Antara aspek yang diliputi ialah cara gaya keibubapaan kreatif, pengurusan konflik khususnya masalah *interpersonal* yang mana diharap dapat meningkatkan kemahiran keibubapaan dalam mengendalikan anak remaja. Sejak tahun 2007 hingga bulan April 2012, sejumlah 475 program telah dilaksanakan oleh LPPKN di pejabat Kerajaan, sektor swasta dan NGO, melibatkan penyertaan 20,662 orang ibu-bapa; dan

Pusat Remaja Kafe@TEEN

Pusat Remaja Kafe@TEEN menyediakan khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan bantuan menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN. Sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN iaitu di Ibu Pejabat LPPKN (Kuala Lumpur), Bertam (Pulau Pinang), Jalan Burmah (Pulau Pinang), Lembah Pantai (Kuala Lumpur), Seremban 2 (Negeri Sembilan) dan Kota Bharu (Kelantan) telah diwujudkan. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 427,677 orang remaja melalui 5,765 program/aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan April 2012.

NO. SOALAN: 67

PEMBERITAHU

PERTANYAAN
DARIPADA RAKYAT YB TUAN LOKE SIEW
TARIKH FOOK 12 JUN 2012
(SELASA)

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat isu pendatang tanpa izin yang diberikan hak kewarganegaraan seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya masih belum ditubuhkan.

JAWAPAN: DATO' SERIMOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah pada 8 Februari 2012. Berikutan daripada itu, Kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma rujukan (*terms of reference*) Suruhanjaya Siasatan tersebut dan sekarang ini di peringkat akhir penggubalan.

2. Bagi memastikan tujuan Suruhanjaya ini ditubuhkan tercapai dengan sepenuhnya, maka Kerajaan perlu memastikan terma rujukan yang

NO. SOALAN: 67

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

~~Pertanyaan~~ Pertanyaan adalah menyeluruh supaya masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini dapat diselesaikan secara komprehensif. Selain itu, anggota Suruhanjaya ini

NO. SOALAN: 67
juga akan dipilih daripada kalangan mereka yang berpengalaman luas dan mempunyai kefahaman yang mendasar berhubung dengan masalah pendatang asing di Sabah untuk memastikan syor-syor yang dikemukakan boleh dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN:

TUAN CHOW KON YEOW minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) akan mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang dan Seberani Perai memandangkan suatu Enakmen Pilihanraya Kerajaan Tempatan diluluskan oleh Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEDNAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan pilihan raya selain

pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) sekiranya diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri.

Undang-undang persekutuan yang berkaitan dengan pilihan raya kerajaan tempatan ialah Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473]. Bahagian V Akta 473 mempunyai peruntukan mengenai kuasa SPR untuk menyelia pilihan raya bagi melantik Anggota Majlis

sesuatu pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan dan dihentikan kuat kuasanya atau terhenti mempunyai kesan oleh subseksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Dengan termansuh dan terhentinya kuat kuasa dan kesan bagi apa-apa peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan di bawah Akta 473, seksyen 10 Akta 171 pula menghendaki keanggotaan sesuatu Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat secara pelantikan (*by appointment*).

Jika mana-mana Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan semula pilihan raya PBT, suatu keputusan dasar hendaklah dibuat terlebih dahulu bagi menentukan sama ada pilihan raya kerajaan tempatan hendak diadakan semula atau sebaliknya.

Perkara yang berkaitan dengan kerajaan tempatan (termasuklah

SOALAN NO.: 69

pilihan raya kerajaan tempatan) kecuali bagi Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya diperuntukkan dalam Butiran 4, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, apa-apa perkara berhubung dengan kerajaan tempatan termasuklah pilihan raya kerajaan tempatan adalah merupakan perkara di bawah bidang kuasa Negeri masing-masing. **Walau bagaimanapun, bidang kuasa bagi mana-mana Negeri yang berkenaan adalah tertakluk kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) (*National Council for Local Government*) yang ditubuhkan mengikut Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan.**

Berdasarkan kepada Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, walaupun kerajaan tempatan terletak di bawah bidang kuasa Negeri masing-masing, apa-apa perkara yang melibatkan perubahan dasar dan perundangan mengenainya adalah tertakluk kepada kelulusan MNKT.

SOALAN NO.: 69

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN

DARIPADA
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
Y.B. TUAN CHUA TIAN
CHANG (BATU)

TARIKH
PERTANYAAN
LISAN

12.06.2012

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah menerima cadangan daripada syarikat perjudian supaya boleh membuat pertaruhan melalui kaedah online ataupun bayaran secara online; dan
- (b) apakah pendirian Kerajaan supaya tidak menggalakkan kegiatan perjudian sebaliknya mengurangkan lesen perjudian dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membuat ketetapan dasar untuk melarang secara menyeluruh perjudian atas talian (*online gambling*). Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan mana-mana syarikat perjudian untuk menjalankan operasi pertaruhan melalui kaedah *online* ataupun bayaran secara *online*.

- 2. Kerajaan juga mengekalkan jumlah lesen perjudian yang sedia dan tiada lesen atau permit perjudian baru dikeluarkan sejak tahun 1990.

yJO-\$>o4L4Ni*. ^°

-NO^AtfP-r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING]

TARIKH 12 JUN 2012

RUJUKAN 4779

SOALAN:

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik kes penyeludupan
pendatang asing bagi tahun 2010 dan 2011. Kenapakah statistik
meningkat begitu ketara daripada tahun 2010 ke 2011 dan apakah
langkah- langkah Kerajaan untuk mengatasinya.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling yang telah mengemukakan pertanyaan.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah dipinda dan berkuatkuasa pada 15 November 2010. Pindaan ini antara lain adalah khusus untuk memasukkan kesalahan berhubung penyeludupan migran. Oleh yang demikian, terdapat peningkatan di dalam jumlah kes penyeludupan migran iaitu sebanyak 18 kes bagi tahun 2010 dan 409 pada tahun 2011. Selain itu perairan negara yang luas juga turut menjadi faktor penarik kepada pendatang asing ini. Tambahan pula, keadaan ekonomi dan sosial yang stabil juga menarik minat pendatang asing untuk bekerja di Malaysia walaupun tanpa memiliki dokumen perjalanan yang sah.

TuanYang Dipertua,

Sebagai langkah menangani gejala ini, pihak penguatkuasaan telah mengetatkan kawalan keselamatan di pintu-pintu masuk selain daripada

rondaan yang dibuat di setiap kawasan dan disyaki berpotensi untuk dijadikan sebagai laluan masuk secara haram ke dalam negara. Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Penguatkuasaan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, setiap agensi berperanan untuk bertindak mengikut kepakaran dalam bidang tugas masing-masing. Ini termasuklah dengan menjalankan risikan dan siasatan dalam mengenalpasti individu dan sindiket yang terlibat dalam penyeludupan manusia.

Sidang Dewan Yang Mulia,

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani gejala penyeludupan migran ini adalah seperti berikut:

1. Mempertingkatkan kehadiran dan pemantauan di semua “*hot-spots*” yang digunakan untuk penyeludupan manusia khususnya sepanjang pantai Barat Semenanjung dari Selatan Perak hingga timur Johor.
2. Mengumpul maklumat mengenai tekong laut dan tekong darat dan bertindak sebaik sahaja pengumpulan maklumat selesai.

Mewujudkan “*contact point*” dengan pihak berkuasa Australia bagi memudahkan perkongsian maklumat dan sumber risikan termasuk latihan.

Mewujudkan kerjasama antara agensi dengan Australia “*Border Protection Command*” dalam usaha membanteras kejadian penyeludupan manusia melalui Malaysia, Indonesia untuk ke Australia.

Memperkukuhkan kerjasama antara agensi di Malaysia seperti PDRM, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, TLDM, Jabatan Laut, pihak berkuasa pelabuhan, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

Mempertingkatkan lagi keperluan logistik agensi-agensi penguatkuasaan terlibat seperti kapal dan bot ronda dan juga peralatan bagi menambah keberkesanan dalam tugas ini.

Kerjasama daripada penduduk-penduduk yang berada berhampiran kawasan perairan dan sempadan negara juga

dapat membantu dengan penyaluran maklumat terutama jika terdapat individu yang mencurigakan berada di kawasan

tersebut. Ini adalah supaya tindakan awal dapat diambil untuk menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

8. Memperkukuhkan kerjasama antara agensi penguatkuasaan di peringkat antarabangsa dan serantau untuk mewujudkan perkongsian dan pertukaran maklumat dan risikan.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam memastikan usaha memerangi aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran berterusan, Kerajaan telah mengadakan kerjasama dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara luar dan organisasi antarabangsa seperti Amerika Syarikat, Belanda, United Kingdom, *International Organization for Migration* (IOM) dan *United Nations High Commissioner Refugees* (UNHCR).

Di samping itu, Kerajaan juga telah bekerjasama dengan Kerajaan Australia melalui Mesyuarat Kumpulan Kerja Malaysia-Australia mengenai Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Manusia.

Sehingga kini empat mesyuarat Kumpulan Kerja ini telah diadakan bagi

membincangkan usaha-usaha dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia yang melibatkan kedua - dua buah negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH JAWAPAN : 12.06.2012 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sejauh mana peruntukkan RM1.5 billion dibawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau digunakan serta jumlah tenaga yang boleh diperbaharui dihasilkan dan berikan senarai peminjam serta tarikh mula pembayaran pinjaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme) atau GTFS mula dilaksanakan pada 1 Januari 2010. Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia), sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana kepada skim ini. Mekanisma pelaksanaannya telah dibangunkan secara bersama dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Di bawah GTFS, Kerajaan akan menanggung sebanyak 2% daripada kadar faedah tahunan serta memberikan jaminan sebanyak 60% daripada jumlah pembiayaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, GreenTech Malaysia telah memproses dan menilai sebanyak 214 permohonan yang lengkap. Daripada jumlah tersebut, 189 projek telah diberikan Pensijilan Hijau. Dari jumlah projek yang mendapat Pensijilan Hijau ini, sebanyak 46 projek telah berjaya mendapat tawaran pembiayaan atau pinjaman dari

institusi kewangan di bawah GTFS dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM676 juta.

Dari jumlah 46 projek yang mendapat kelulusan tawaran pembiayaan dari institusi kewangan, sebanyak 16 projek adalah projek Tenaga Boleh Baharu atau Renewable Energy, dengan izin, yang melibatkan kos sebanyak RM467 juta. Projek-projek ini berpotensi untuk menjana tenaga sebanyak 63 MWp (Mega Watt Peak).

Daripada 46 projek yang mendapat kelulusan tawaran pembayaran, seramai 19 pemohon telahpun mendapat pembayaran pinjaman pertama dari Institusi Kewangan, sedangkan sebanyak 27 adalah dalam proses pembayaran oleh Institusi Kewangan yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan doktor-doktor untuk melawat kawasan pedalaman Tanjong Manis dengan lebih kerap memandangkan Jabatan Kebajikan Masyarakat memerlukan surat pengesahan doktor untuk mengesahkan bantuan untuk rakyat yang sakit dan mereka juga tidak mampu untuk ke bandar atau terlalu uzur.

Tuan Yang di-Pertua

Pada masa ini, penyampaian perkhidmatan kesihatan di dalam kawasan Parlimen Tanjong Manis disediakan di 7 buah klinik kesihatan (KK) iaitu KK Belawai, KK Rejang, KK Tanjong Manis, KK Paloh, KK Betanak, KK Tekajong dan KK Bruit. Sehingga kini, seorang pesakit OKU mendapat pengesahan perubatan dari KK Rajang untuk tujuan bantuan kebajikan. Jumlah kedatangan kes keseluruhan yang dirawat di KK Rajang pada tahun 2011 adalah sebanyak 8,492 kes.

Sementara itu, terdapat 8 orang (OKU) telah mendapatkan pengesahan perubatan dari KK Belawai untuk tujuan bantuan kebajikan. Jumlah keseluruhan pesakit yang dirawat di KK Belawai pada tahun 2011 adalah sebanyak 6,360 kes.

Perkhidmatan Doktor Lawatan ke klinik kesihatan di dalam kawasan Parlimen Tanjung Manis dibuat melalui perkhidmatan darat, sungai dan udara (***Flying Doctor Service, FDS***). Perkhidmatan Doktor Lawatan FDS telah bermula sejak tahun 2011 lagi. Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan oleh doktor di dalam kawasan parlimen Tanjung Manis, bermula tahun ini, perkhidmatan Doktor Lawatan ke klinik-klinik kesihatan tersebut telah dijadualkan secara berkala iaitu sebulan sekali. Dalam tahun 2011, seramai 30,792 kes datang mendapatkan perkhidmatan dari 7 buah klinik kesihatan tersebut, di mana seramai 188 (0.6%) kes dilihat dan dirawat oleh doktor melalui perkhidmatan darat dan sungai. Manakala 224 (0.7%) kes, dilihat dan dirawat oleh doktor melalui perkhidmatan FDS (rujuk Jadual). Kementerian Kesihatan akan terus berusaha meningkatkan perkhidmatan doktor di kawasan ini dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	: Y.B. TUAN KARPAL SINGH A/L RAM	SINGH
	(BUKIT GELUGOR)	
PERTANYAAN	: LISAN	
TARIKH	: 12.06.2012	

HO'

Y.B. TUAN KARPAL SINGH A/L RAM SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengembalikan status tradisional Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas yang dihentikan pada tahun 1969. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud. Namun begitu, kini telah terdapat 5 buah Zon Bebas di Pulau Pinang iaitu:

Bil.	Nama Kawasan	Aktiviti
1.	Zon Bebas Pelabuhan Pulau	Perdagangan
2.	Zon Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	Perdagangan
3.	Zon Bebas Kompleks Kargo Udara Batu Maung	Perdagangan
4.	Zon Bebas Bayan Lepas	Perindustrian
5.	Zon Bebas Prai	Perindustrian

2. Memandangkan Pulau Pinang kini telah pun mempunyai beberapa zon bebas seperti tersebut di atas dan konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud, isu mengembalikan semula status tradisional Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas tidak lagi berbangkit.

~~~NO. AUP~~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN

[ KULIM BANDAR BARU ]

TARIKH 12 JUN 2012

RUJUKAN 4780

SOALAN:

Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan

(a) adakah Kerajaan bercadang melarang mana-mana  
parti politik yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan  
Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) daripada menggunakan nama,  
jenama atau lambang atas satu-satu agama sama ada Islam,  
Kristian, Hindu, Sikh, Budha dan lain-lain; dan

(b) adakah Kerajaan menyedari penggunaan nama sesuatu agama ini boleh mengelirukan orang ramai dan menimbulkan salah faham ke atas agama tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan peruntukan Seksyen 50, Akta Pertubuhan 1966, pertubuhan adalah dilarang menggunakan semua atau sebahagian daripada lambang, logo, atau tanda-tanda berikut sebagai lambang, bendera atau simbol pertubuhan sebagai contoh Bendera Kebangsaan dan lambang kebesaran Malaysia, perkataan 'ALLAH', 'ILLAH', 'MUHAMMAD', 'SHAHADAH' dan perkataan kalimah Islam yang lain. Sekiranya pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bergerak dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang atau berusaha menjalankan aktiviti-aktiviti yang lain daripada tujuan asal ia didaftarkan, maka pertubuhan tersebut boleh dibatalkan pendaftarannya melalui Seksyen 13(1)(c)(iii) dan Seksyen 13(1)(c)(iv) Akta Pertubuhan 1966.

Sehubungan dengan itu, Kementerian sedang mengambil tindakan

sewajarnya kepada pertubuhan-pertubuhan yang melanggar peraturan yang ditetapkan tersebut manakala Seksyen 5 telah menyatakan bahawa YB. Menteri Dalam Negeri boleh mengisytiharkan pertubuhan tersebut sebagai menyalahi undang-undang sekiranya pertubuhan itu digunakan untuk maksud yang memudaratkan atau yang bertentangan dengan kepentingan keselamatan, ketenteraman awam dan akhlak.



**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**  
**DARIPADA**  
**TARIKH**  
**SOALAN**

**LISAN**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]**

**12 Jun 2012 ( Selasa )**

**Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
**menyatakan angka dengan pecahan tahunan dari 2000-**  
**2012 di Daerah Kota Tinggi, Pontian dan Johor Bahru untuk**

- (a) jumlah dan nilai perikanan marin dan akuakultur; dan
- (b) bilangan nelayan dan pekerja industri tani.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Jawapan (a)**

Maklumat pendaratan dan nilai perikanan marin di negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2011 adalah seperti berikut:

| N. DAERAH<br><br>TAHUN | KESELURUHAN<br>NEGERI JOHOR |                 |
|------------------------|-----------------------------|-----------------|
|                        | Jumlah (Tan Metrik)         | Nilai (RM Juta) |
| 2000                   | 83,415                      | 253.10          |
| 2001                   | 83,724                      | 281.89          |
| 2002                   | 92,202                      | 293.69          |
| 2003                   | 87,110                      | 264.36          |
| 2004                   | 82,912                      | 245.16          |
| 2005                   | 83,481                      | 298.34          |
| 2006                   | 109,118                     | 418.08          |

|             |         |        |
|-------------|---------|--------|
| <b>2007</b> | 94,278  | 382.02 |
| <b>2008</b> | 88,923  | 421.47 |
| <b>2009</b> | 87,644  | 390.42 |
| <b>2010</b> | 109,540 | 583.11 |
| <b>2011</b> | 109,739 | 662.27 |

Daripada tahun 2009, didapati perikanan marin di daerah Kota Tinggi, Pontian dan Johor Bahru menunjukkan peningkatan. Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 20.5% daripada keseluruhan pendaratan ikan marin di negeri Johor pada tahun 2009 (22.7% *bagi nilai*), 25.5% pada tahun 2010 (33.7% *bagi nilai*) dan 26.0% pada tahun 2011 (36.4% *bagi nilai*). Maklumat terperinci seperti berikut:

| DAERAH<br>TAHUN | KOTA TINGGI               |                       | PONTIAN                   |                       | JOHOR<br>BAHRU            |                       | KESELURUHAN<br>3DAERAH |                       | KESELURUHAN<br>NEGERI JOHOR |                       |
|-----------------|---------------------------|-----------------------|---------------------------|-----------------------|---------------------------|-----------------------|------------------------|-----------------------|-----------------------------|-----------------------|
|                 | Jumlah<br>(Tan<br>Metrik) | Nilai<br>(RM<br>Juta) | Jumlah<br>(Tan<br>Metrik) | Nilai<br>(RM<br>Juta) | Jumlah<br>(Tan<br>Metrik) | Nilai<br>(RM<br>Juta) | Jumlah<br>Metrik)      | Nilai<br>(RM<br>Juta) | Jumlah<br>(Tan<br>Metrik)   | Nilai<br>(RM<br>Juta) |
| <b>2009</b>     | 11,604                    | 51.07                 | 6,102                     | 35.21                 | 240                       | 2.36                  | <b>17,946</b>          | <b>88.64</b>          | 87,644                      | 390.42                |
| <b>2010</b>     | 14,978                    | 90.68                 | 12,675                    | 103.49                | 245                       | 2.42                  | <b>27,898</b>          | <b>196.59</b>         | 109,540                     | 583.11                |
| <b>2011</b>     | 11,632                    | 67.35                 | 12,648                    | 128.64                | 4,277                     | 44.79                 | <b>28,557</b>          | <b>240.78</b>         | 109,739                     | 662.27                |

Terdapat penurunan pengeluaran dan nilai akuakultur pada tahun 2011 bagi keseluruhan negeri Johor. Penurunan ini berlaku atas sebab pemberian subsidi kepada penternak telah diberhentikan. Maklumat pendaratan dan nilai akuakultur di negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2011 adalah seperti berikut:

| DAERAH<br>TAHUN\ | KESELURUHAN<br>NEGERI JOHOR |                 |
|------------------|-----------------------------|-----------------|
|                  | Jumlah (Tan<br>Metrik)      | Nilai (RM Juta) |
| 2000             | 21,217                      | 163.55          |
| 2001             | 18,004                      | 168.17          |
| 2002             | 17,613                      | 163.08          |
| 2003             | 20,368                      | 160.13          |
| 2004             | 21,791                      | 166.70          |
| 2005             | 23,581                      | 196.67          |
| 2006             | 24,442                      | 236.91          |
| 2007             | 22,565                      | 295.66          |
| 2008             | 41,069                      | 358.65          |
| 2009             | 42,077                      | 333.55          |
| 2010             | 46,475                      | 350.44          |
| 2011             | 28,798                      | 267.67          |

Namun begitu, maklumat pecahan jumlah pengeluaran dan nilai mengikut daerah Kota Tinggi, Pontian dan Johor Bahru tidak dapat dinyatakan oleh kerana terdapat ketidak jelasan fakta yang dibekalkan oleh penternak.

#### **Jawapan (b)**

Bilangan nelayan mengikut daerah di negeri Johor bagi tahun 2000 hingga 2010 adalah seperti berikut:

| "B^ERAH<br>TAHUfcK | KOTA TINGGI | PONTIAN | JOHOR<br>BAHRU | KESELURUHAN<br>NEGERI JOHOR |
|--------------------|-------------|---------|----------------|-----------------------------|
| 2000               | 1,365       | 1,178   | 926            | 8,536                       |
| 2001               | 2,168       | 1,037   | 920            | 8,404                       |
| 2002               | 2,069       | 989     | 830            | 8,123                       |
| 2003               | 2,001       | 999     | 820            | 7,846                       |
| 2004               | 2,053       | 1,251   | 637            | 8,551                       |
| 2005               | 2,412       | 1,230   | 916            | 9,310                       |
| 2006               | 2,411       | 1,251   | 934            | 9,620                       |
| 2007               | 1,825       | 1,382   | 1094           | 9,034                       |
| 2008               | 2,133       | 1,219   | 802            | 9,706                       |
| 2009               | 2,455       | 1,998   | 1,195          | 11,641                      |
| 2010               | 2,425       | 1,886   | 1,147          | 11,765                      |

Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah memberi latihan kepada usahawan nelayan dalam bidang industri asas tani. Bilangan nelayan yang terlibat dalam latihan industri asas tani anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sehingga 2012 seramai 50 orang :

| Negeri | Daerah      | Bilangan |
|--------|-------------|----------|
| Johor  | Johor Bharu | 17       |
|        | Pontian     | 10       |
|        | Kota Tinggi | 23       |
|        | Jumlah      | 50       |

Keseluruhan bilangan nelayan terlibat dalam industri tani anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2012 adalah seramai **112 orang**.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[SEPANGGAR]

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI KESIHATAN

## SOALAN NO: 78

menyatakan jumlah pengidap penyakit berjangkit yang dikesan seperti Penyakit Kelamin, TB, Malaria dan lain-lain di seluruh negara khasnya di Sabah dalam masa 5 tahun serta bilangan pengidap di kalangan rakyat asing.

Tuan Yang di-Pertua

Penyakit kelamin yang dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah Gonorea, Sifilis dan Chancroid tetapi fokus kepada Gonorea dan Sifilis sahaja kerana Chancroid jarang berlaku dan dilaporkan. Untuk tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga tahun 2011, sejumlah 4,478 jangkitan Sifilis dan 4,900 jangkitan Gonorea telah dilaporkan kepada KKM. Secara purata setiap tahun, sejumlah 895 kes Sifilis dan 980 kes Gonorea dilaporkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 576 (13%) kes Sifilis dan 482 (10%) kes Gonorea adalah di Sabah. Dari keseluruhan kes yang dikesan di Sabah, lebih kurang 41% dari kes Sifilis dan 7% kes Gonorea adalah di kalangan rakyat asing.



Bagi penyakit Malaria, untuk tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga tahun 2011, sejumlah 31,812 kes telah dilaporkan kepada KKM, dengan purata kes setiap tahun sejumlah 6,300 kes. Dari jumlah tersebut, sebanyak 16,011 (50%) kes Malaria adalah di Sabah. Dari keseluruhan kes yang dikesan di Sabah, lebih kurang 32% dari kes Malaria adalah di kalangan rakyat asing.

Jumlah kes TB yang dikesan di seluruh negara bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga tahun 2011 adalah sebanyak 92,529 kes dengan purata 18,500 kes setiap tahun. Dari jumlah tersebut, sebanyak 17,846 (19%) kes TB adalah di Sabah. Dari keseluruhan kes yang dikesan di Sabah, lebih kurang 31% dari kes TB adalah di kalangan rakyat asing.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[GOMBAK]

TARIKH 12JUN 2012

#### SOALAN:

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK) minta PERDANA

## SOALAN NO.78

MENTERI menyatakan apakah definisi kaum 'Lain-lain' dalam Daftar Pemilih SPR dan berapakah jumlah pemilih yang tergolong dalam kategori ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat 'Lain-lain' kaum yang terdapat dalam daftar pemilih merujuk kepada lain-lain bangsa dan kaum etnik yang terdapat di Malaysia. Antara kaum atau kumpulan etnik yang tergolong di bawah kategori ini adalah Dusun Sabah, Kadazan, Iban atau Dayak Laut, Dusun Sarawak, Bajau, Bidayuh, Punjabi, India

Muslim, Kanowit, Kelabit, Banjar, Bugis, Jawa, Siam dan Orang Sungai. Sehingga perakuan Daftar Pemilih Terkini sehingga Suku Tahun Pertama 2012 (DPT ST1/2012) yang telah diwartakan pada 7 Jun 2012, seramai 112,027 orang pemilih atau sebanyak 0.87% daripada 12,912,590 pemilih diletakkan di bawah kategori ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN:

TUAN SIM TONG HIM meminta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-  
TARIKH sebab utama penarikan balik Rang Undang-Kesalahan  
Pilihanraya (Pindaan) 2012 yang telah diluluskan pada 20  
April 2012 di Dewan Rakyat ini;

- a) dengan penarikan balik pindaan akta ini adakah semua  
cadangan termasuk "dakwat kekal" tidak akan dipakai pada PRU  
ke-13; dan
- b) adakah pindaan baru akta ini akan dibentang pada sesi yang akan  
datang.



## MEUTER1 D6 JABATAM PEFIDAUUA

ilENTEFIB Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan dakwat kekal adalah terpakai bagi semua pengundi yang akan mengundi pada hari diadakan pengundian awal dan hari pengundian biasa kecuali pengundi yang akan mengundi secara pos berdasarkan kepada peruntukan Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 203. Penggunaan dakwat kekal ini selaras dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 yang diwartakan pada 13 Februari 2012 dan mula berkuatkasa pada 15 Februari 2012.

Berhubung dengan pindaan baru Rang Undang-Undang Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Kerajaan belum bercadang untuk membentangkan rang undang-undang tersebut yang telah ditarik balik sehingga Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang. Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :           JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

(TELOK INTAN)

TARIKH 12 JUN 2012 ( SELASA)

SOALAN

YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan mengapakah kebanyakan penerima bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak diberi notis mengenai pemberhentian bantuan kewangan mereka. Apakah cadangan Kerajaan untuk mengatasi masalah sebegini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap keperluan dan kebajikan kumpulan sasar Kementerian. Justeru, bantuan kebajikan diberikan kepada penerima bantuan bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung

oleh mereka.

Bantuan bulanan yang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah bersifat sementara waktu. JKM telah menetapkan bahawa setiap penerima bantuan akan dikaji semula bantuan mereka selepas tempoh setahun. Bagi kes-kes yang telah dikaji semula dan didapati pendapatan bulanan mereka telah melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ataupun telah mampu menyara hidup melalui bantuan dan sokongan daripada ahli keluarga, bantuan bulanan mereka akan ditamatkan.

Suka saya jelaskan '**Standard Operating Procedure**' (SOP) JKM menetapkan bahawa pegawai kebajikan masyarakat menjalankan siasatan dan menyediakan laporan kaji semula sebelum tamat tempoh pemberian bantuan. Hasil keputusan laporan kaji semula perlu

dimaklumkan kepada penerima bantuan melalui surat dan proses ini adalah selaras dengan Prosedur Kualiti Urus (PK Utama). Berdasarkan maklum balas JKM, terdapat sesetengah penerima tidak menerima surat berkenaan kerana mereka telah berpindah atau bertukar alamat.

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan kemajuan teknologi komunikasi dan pemilikan telefon mudah alih dalam kalangan penerima bantuan, JKM telah melaksanakan inisiatif memaklumkan keputusan permohonan dan pelanjutan tempoh pemberian bantuan kewangan melalui khidmat sistem pesanan ringkas (**SMS**). Sistem ini telah mula dilaksanakan pada Januari 2012. Walau bagaimanapun, JKM masih menghantar surat makluman status keputusan bantuan kewangan kepada penerima bantuan seperti yang ditetapkan dalam Prosedur Kualiti Urus (PK Utama).

SOALAN NO : 81

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARI PADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN

TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]  
12 JUN 2012 (SELASA)

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk mengutip balik jumlah pinjaman wang sebanyak RM250 juta dari National Feedlot Corporation (NFC); dan
- (b) jadual dan tempoh untuk mengutip balik pinjaman ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kewangan sedang memperhalusi kaedah yang sesuai untuk melaksanakan kutipan balik pinjaman mudah daripada National Feedlot Corporation (NFCorp). Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini berkaitan dengan dakwaan yang telah dicajkan dan akan dibicarakan di Mahkamah, ulasan lanjut berkaitan perkara ini tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan prejudis kepada pihak berkuasa serta pihak yang dituduh di samping menjejaskan perbicaraan (sub judice) akan datang.

NO. SOALAN: 82

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA  
BELAS (2012)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

12 JUN 2012 [SELASA]

DARIPADA

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI  
HARON [ TANGGA BATU ]

SOALAN :

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status pertimbangan Kerajaan Arab Saudi mengenai sekatan atau menggantung jemaah haji dan umrah dari Malaysia ekoran tindakan segelintir rakyat dari Malaysia yang mengadakan perhimpunan haram Bersih 3.0 di Mekah dan Madinah.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'  
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Makkah dan Madinah adalah merupakan dua Tanah Suci umat Islam yang suci dan tempat tumpuan beribadah umat Islam dari seluruh dunia.

Sekarang ini, kebanyakan negara seperti Syria, Libya dan negara-negara Arab lain mempunyai masalah dalaman yang serius namun tiada pihak dari



negara-negara itu yang berani membuat demonstrasi terang-terangan di kota-kota suci Makkah dan Madinah.

Kerajaan Arab Saudi amat menitikberatkan soal keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya di Tanah Suci Makkah dan Madinah. **Tindakan keras boleh diambil ke atas sesebuah negara sekiranya rakyat negara itu didapati bersalah dalam menjalankan aktiviti yang menimbulkan huru-hara seperti demonstrasi jalanan dan sebagainya.**

Pihak Kerajaan Arab Saudi mengambil perhatian amat serius terhadap, penganjuran perhimpunan tersebut di Makkah dan Madinah sehingga mendorong pihaknya **mengemukakan Nota Diplomatik kepada Kementerian Luar Negeri di Wisma Putra.** Mereka melahirkan rasa kecewa dengan tindakan segelintir rakyat Malaysia yang mengadakan perhimpunan haram di Makkah dan Madinah, pada 28 April lalu. Mereka juga meminta Kerajaan memastikan dan melarang rakyat Malaysia supaya tidak lagi menyertai atau menganjurkan apa-apa perhimpunan di negara mereka. Walau bagaimanapun, sehingga kini pendirian rasmi mereka masih positif dan tidak menunjukkan tanda-tanda akan mengenakan apa-apa sekatan kepada jemaah umrah mahupun jemaah haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua persiapan menunaikan haji tahun ini seperti penyewaan kapal terbang, tempahan hotel, serta lantikan syarikat yang akan membekalkan makanan kepada jemaah, sudah diselesaikan sepenuhnya berdasarkan kuota yang diperuntukkan setiap tahun kepada rakyat Malaysia.

Risiko yang dihadapi adalah, **jika sesuatu berlaku seperti tidak mendapat kuota seperti mana kebiasaan, maka impaknya bukan saja boleh menyebabkan kerugian ke atas agensi Kerajaan khasnya Tabung Haji dan syarikat pengurusan haji , tetapi paling besar ialah kesusahan umat**

**Islam yang kebanyakannya sudah selesai menjalani kursus haji dan meletakkan harapan tinggi untuk menunaikan haji pada tahun ini.**

Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa YAB Perdana Menteri hendaklah dirujuk jika Kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk mengurang atau menggantung kuota jemaah haji Malaysia supaya YAB Perdana Menteri boleh kelak membuat rayuan kepada Raja Arab Saudi.

Dalam masa terdekat, Kerajaan melalui Tabung Haji, telah menghantar surat kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi bagi menjelaskan isu perhimpunan BERSIH 3.0, serta menyampaikan harapan Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap kuota atau peruntukan-peruntukan yang berkait dengan pelaksanaan ibadat haji tahun ini.

Saya juga memohon jasa baik YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, untuk berhubung dengan Kerajaan Arab Saudi khususnya Raja Arab Saudi, Raja Abdullah, untuk memaklumkan kedudukan dan permohonan kuota haji.

Kesimpulannya, perhimpunan BERSIH 3.0 jelas boleh mengundang banyak implikasi buruk kepada rakyat dan negara bukan sahaja di dalam negeri, malah di peringkat antarabangsa. Kerajaan mengambil serius perkara ini dan berusaha di peringkat tertinggi negara untuk menanganinya, demi menjaga ibadah dan kebajikan bakal haji serta jemaah umrah.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT**

**[KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH 12 JUN 2012**

**SOALAN :**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] **NO SOALAN: 84**  
PERDANA MENTERI menyatakan senarai semua ajaran sesat yang wujud di negara ini khususnya di Terengganu serta jumlah siasatan dan pendakwaan yang telah dilakukan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai badan penyelaras sentiasa memantau dan bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam menyalurkan maklumat berkenaan isu



ajaran sesat di negara ini termasuk di Terengganu. Sehingga kini terdapat sebanyak 98 ajaran sesat yang telah difatwakan sesat diseluruh Malaysia.

Bagi negeri Terengganu, ajaran sesat yang telah difatwa haram adalah: Kumpulan Al-Arqam, Ajaran Taslim, Ajaran Hasan Anak Rimau, Ajaran Cerang Meliling, Ajaran Husin bin Ali, Pertubuhan Nasrul Haq, Ajaran Ratib Kuat Ayah Pin @ Ariffin Muhamad, Ajaran Anti-Hadis @ Ajaran Al-Quran, Ajaran Al-Mansur/Ajaran Azhar Bin Wahab,

Manakala jumlah siasatan dan pendakwaan terhadap ajaran sesat yang telah dilaksanakan di negeri Terengganu adalah seperti berikut:

- i. pada tahun 2001, satu kes siasatan dan pendakwaan keatas Ajaran Ayah Pin iaitu kesalahan di bawah Seksyen 208 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986 - mendakwa bukan Islam; dan
- ii. pada tahun 2005, 3 kes siasatan telah dijalankan ke atas 52 orang pengikut Ajaran Ayah Pin iaitu kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan pendakwaan telah dibuat:
  - a. ke atas 48 orang pengikut Ajaran Ayah Pin, kesalahan di bawah seksyen 10 - menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama;

- b. ke atas 3 orang pengikut Ajaran Ayah Pin, kesalahan di bawah Sub Seksyen 14 (b) - penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak; dan
- c. ke atas seorang pengikut Ajaran Ayah Pin, kesalahan di bawah Seksyen 7 - mendakwa bukan Islam.

Sekian, terima kasih.



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG  
MALIM]

TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

~~83~~ 84 .

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan

- a) usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kes jenayah yang melibatkan kenderaan curi atau kenderaan yang menggunakan nombor plat palsu; dan
- b) Apakah perancangan Kementerian untuk memperkenalkan standard nombor plat kenderaan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dapat mengurangkan insiden kes jenayah melibatkan pemalsuan nombor pendaftaran.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan telah menguatkuasakan peraturan ***United Nations Economic Commission for Europe*** (UNECE) R97 dan R116 sebagai langkah untuk menangani kes jenayah yang melibatkan kecurian kenderaan. Melalui peraturan-peraturan ini, semua kenderaan model baru kategori M1 iaitu kenderaan yang boleh membawa tidak lebih dari lapan penumpang, yang dikeluarkan selepas 7 April 2010 adalah diwajibkan memasang alat Sistem Amaran Kenderaan “***Vehicle Alarm System***” dan alat Pencegahan Dari Penggunaan Yang Tidak Dibenarkan (PDPYTD) atau “***Protection Against Unauthorized Use***”. Penguatkuasaan pemasangan alat ***PDPYTD*** juga turut diperluaskan kepada semua kenderaan model baru kategori N1 iaitu kenderaan yang digunakan untuk membawa barang-barang dan mempunyai jisim maksimum tidak melebihi 3.5 tan, bermula 1 Januari 2012.

Selain daripada penguatkuasaan peraturan UNECE, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil beberapa inisiatif lain bagi membantu pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) membanteras jenayah kecurian kenderaan. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) membekalkan maklumat kenderaan jika diperlukan oleh PDRM;

- (ii) membuat sekatan transaksi terhadap kenderaan-kenderaan curi berdasarkan maklumat dan permohonan daripada pihak PDRM. Sekatan transaksi tersebut seperti pengeluaran Lesen Kenderaan Motor, pindah milik dan pinda maklumat kenderaan;
- (iii) menjalankan operasi penguatkuasaan melalui sekatan jalan raya bagi mengesan kenderaan-kenderaan curi. Kenderaan-kenderaan curi akan ditahan/disita dan kemudiannya diserahkan kepada pihak PDRM untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang Dipertua,

Penetapan spesifikasi plat nombor pendaftaran dari segi saiz dan susunan huruf dan angka, warna, jarak susunan dan reka bentuk nombor pendaftaran adalah termaktub di bawah Kaedah Kenderaan Motor (Pelesenan dan Pendaftaran) 1959. Namun, terdapat pemilik-pemilik kenderaan yang tidak mematuhi spesifikasi tersebut dan juga melakukan pemalsuan terhadap plat nombor pendaftaran. Sehubungan dengan masalah ini, Kerajaan telah meneliti cadangan untuk menyeragamkan plat nombor pendaftaran kenderaan di peringkat pengeluaran atau pembuatan plat nombor tersebut yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Bagi maksud ini, hanya pembuat atau pengedar yang berdaftar dengan JPJ sahaja dibenarkan untuk membuat atau mengedar plat berkenaan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya terpaksa ditangguhkan

memandangkan kesan ekonomi yang terpaksa ditanggung oleh peniaga kecil yang terlibat dalam pembuatan dan penjualan plat nombor pendaftaran tersebut. Di samping itu, pemilik kenderaan juga perlu membayar harga yang lebih tinggi untuk membeli dan memasang plat nombor pendaftaran yang lebih berkualiti dan bercirikan keselamatan itu.

#### PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TAN SRI DATO' SERI DR. FONG CHAN  
ONN [ALORGAJAH]

TARIKH 12 JUN 2012

#### SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kegagalan serta penundaan ketibaan pengangkutan awam seperti KTM di KL Sentral.

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, terdapat tiga (3) perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang berhenti di stesen Sentral Kuala Lumpur iaitu Antarabandar, KTM Komuter dan ETS. Semua perkhidmatan ini bermula/tiba di beberapa destinasi berikut dan melalui/berhenti di stesen Sentral Kuala Lumpur untuk mengambil dan menurunkan penumpang.

- a. Antarabandar - Hatyai/Padang Besar, Tumpat dan Woodlands (Singapura).
- b. ETS - Ipoh dan Sentral Kuala Lumpur.
- c. KTM Komuter - Tanjung Malim, Rawang, Batu Caves, Pelabuhan Klang dan Seremban.



## SOALAN NO.^6 f17

Namun, terdapat kelewatan serta kegagalan tren untuk sampai tepat pada waktu yang dijadualkan atas sebab berikut:

- 1) Kerja-kerja menaiktaraf landasan yang dilakukan di kawasan Lembah Klang dan luar Lembah Klang yang menyebabkan perintah awas (speed caution) dikeluarkan supaya kelajuan larian tren dikurangkan sebagai langkah keselamatan operasi tren.
- 2) Sekatan had kelajuan dikuatkuasakan di kawasan projek landasan berkembar elektrik Ipoh - Padang Besar dan Seremban - Gemas menyebabkan tren Antarabandar tidak dapat beroperasi secara optimum seperti yang dijadualkan.
- 3) Ketidalcukupan tren set bagi perkhidmatan Komuter yang menyebabkan sasaran kekerapan larian tidak dapat dicapai dan ini memberi kesan kepada perkhidmatan lain yang menggunakan landasan yang sama.
- 4) Kebanyakan stokereta KTMB seperti lokomotif, koc dan ***Electric Multiple Unit (EMU)*** telah digunakan untuk operasi tren melebihi 10 tahun dan kadang kala mengalami kerosakan serta memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi untuk memastikan prestasi stokereta tersebut mencapai tahap yang disasarkan.

## SOALAN NOy86

Namun, KTMB amat memandang berat perkara ini dan mengambil langkah sewajarnya bagi mengatasi isu kegagalan serta penundaan ketibaan tren penumpang KTMB di stesen-stesen KTMB seperti berikut:

- 1) Mengubah dan mengatur semula jadual waktu perjalanan tren penumpang untuk memastikan isu ini dapat dikurangkan serta meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pengguna;
- 2) Melalui inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara, Kerajaan telah meluluskan perolehan 38 set Komuter enam koc (SCS) bagi membantu meningkatkan mutu perkhidmatan KTM Komuter serta memastikan sasaran kekerapan larian dapat dicapai.
- 3) Menubuhkan **task force** bagi mengenal pasti jalan penyelesaian terhadap masalah yang timbul yang menyebabkan kegagalan serta penundaan ketibaan tren agar sasaran **punctuality** tren penumpang dapat dicapai.
- 4) Merancang program membaikpulih stokereta KTMB dengan teratur agar dapat mengatasi masalah kekurangan stokereta untuk operasi tren.
- 5) Menjadikan **tagline** KTMB “**Ontime Everytime**” sebagai satu perkara yang perlu dititikberatkan dan diikuti oleh semua lapisan kakitangan bagi memastikan perkhidmatan KTMB sentiasa berada pada tahap yang terbaik.



PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATO' RASHID BIN DIN

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN:

Dato' Rashid bin Din [ Merbok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesan dalam bentuk peningkatan mutu kerja kakitangan awam selepas menerima kenaikan gaji yang dilaksanakan baru-baru ini. Bandingkan dengan peningkatan prestasi yang telah dicapai selepas peningkatan gaji terdahulu.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kenaikan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) adalah mulai 1 Januari 2012. Oleh itu, memandangkan pelaksanaan kenaikan gaji tersebut baru sekitar 6 bulan, adalah sukar untuk mengukur kesannya ke atas peningkatan mutu kerja penjawat awam.

Walau bagaimanapun, secara umumnya prestasi penjawat awam telah

meningkat sejajar dengan usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Keputusan Kerajaan untuk memberi kenaikan gaji kepada penjawat awam merupakan dorongan dan motivasi untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan negara dengan lebih cemerlang. Kerajaan yakin kualiti penyampaian perkhidmatan penjawat awam akan meningkat seperti mana yang berlaku selepas kenaikan gaji pada tahun 2007.

Laporan *IMD World Competitiveness* telah menunjukkan kedudukan Malaysia bagi kriteria *Government Efficiency* meningkat dari tangga ke-19 pada tahun 2008 dan 2009 kepada tangga ke-9 pada tahun 2010. Manakala laporan bagi kriteria *Business Efficiency* juga telah menunjukkan peningkatan dari tangga ke-14 pada tahun 2008 kepada tangga ke-4 pada tahun 2010.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[KUANTAN]

TARIKH 12JUN 2012

SOALAN:

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pemilih yang didaftarkan baru dan dipindahkan kawasan tempat mengundi mereka melalui Agensi JASA dan KEMAS dari 2008 sehingga suku pertama 2012 bagi setiap kawasan Parlimen.

JAWAPAN: YB DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2012, SPR telah melantik seramai 3,387 orang Penolong Pendaftar Pemilih

## SOALAN NO.87

(PPP) secara keseluruhannya dari kalangan Wakil-wakil Jabatan Kerajaan untuk membantu SPR dalam urusan pendaftaran pemilih. PPP-PPP dari Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) merupakan sebahagian daripada 3,387 orang PPP yang telah dilantik ini. Sehubungan dengan itu, SPR tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai jumlah pemilih yang telah membuat permohonan pendaftaran baru dan pertukaran alamat pusat mengundi melalui PPP (Wakil Jabatan Kerajaan) JASA dan KEMAS yang dipecahkan mengikut Bahagian Pilihan Raya Parlimen. Walau bagaimanapun, jumlah pendaftaran pemilih baru dan pendaftaran pertukaran alamat pusat mengundi secara keseluruhannya yang telah diterima oleh SPR melalui PPP (Wakil Jabatan Kerajaan) bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2012 adalah seperti pada Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

| PERKARA                                         | Januari 2012 | Februari 2012 | Mac 2012     |
|-------------------------------------------------|--------------|---------------|--------------|
| Pendaftaran Pemilih Baru                        | 6,851 orang  | 9,049 orang   | 28,437 orang |
| Pendaftaran Pertukaran Alamat<br>Pusat Mengundi | 3,936 orang  | 5,509 orang   | 14,916 orang |

**SOALAN NO.87**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

TARIKH: 12JUN2012

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah kriteria-kriteria yang telah digunakan untuk penetapan gaji minima pada tahap RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 untuk Sabah serta Sarawak di mana ramai pihak telah menolaknya sebagai gaji minima yang memuaskan terutamanya untuk pekerja-pekerja sektor swasta.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kriteria-kriteria yang telah digunakan untuk penetapan gaji minimum pada tahap RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 untuk Sabah, Sarawak serta Labuan ialah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), keupayaan majikan untuk membayar upah (*median wage*), peningkatan produktiviti buruh, indeks harga pengguna dan kadar pengangguran.
2. Berhubung dengan persoalan bahawa ramai pihak yang telah menolak kadar gaji minimum tersebut sebagai gaji minimum yang memuaskan, sukacita dimaklumkan bahawa hasil daripada 11 siri taklimat yang diadakan oleh Kementerian Sumber Manusia bermula 7 Mei 2012 sehingga 31 Mei 2012, adalah didapati bahawa pada dasarnya semua pihak yang berkepentingan iaitu pihak pekerja dan pihak majikan bersetuju dengan

pelaksanaan kadargaji minimum.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kadar gaji minimum ini adalah kadar gaji minimum yang pertama kali dilaksanakan pada skala nasional. Kadar gaji minimum yang telah ditetapkan itu akan dikaji semula sekurang- kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 25(1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN JEFF OOI CHUAN

AUN

[ JELUTONG ]

TARIKH

12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kenapa SKMM masih memperuntukkan spektrum 4G/LTE sebanyak 10MHz kepada Asiaspace Sdn. Bhd. sedangkan syarikat berkenaan telah gagal dalam menepati semua syarat jadual pelancaran perkhidmatan WiMAX yang ditetapkan pada tahun 2007.

**SOALAN NO: 90**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan untuk memuktamadkan peruntukan jalur 2.6GHz yang terhad ini, Kerajaan telah menilai situasi pasaran terkini, sumbangan-sumbangan dari segi pertumbuhan ekonomi negara yang diperolehi hasil dari peruntukan-peruntukan spektrum sebelum ini, keperluan rakyat untuk perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar serta persaingan sedia ada.

## SOALAN NO: 89

Buat masa ini, penentuan peruntukan spektrum kepada mana-mana pengusaha masih belum dimuktamadkan. Kerajaan telah menetapkan beberapa syarat yang harus dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha dan masih sedang mempertimbangkan penentuan peruntukan yang terbaik demi mencapai matlamat yang ditetapkan.

### DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

[KUALA KEDAH]

TARIKH : 12JUN2012

#### SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sungai-sungai tercemar dalam Malaysia dalam kelas empat dan lima, dan menyatakan langkah-langkah pemulihan dan penguatkuasaan bagi menangani pencemaran sungai di Negara ini dengan lebih berkesan memandangkan kebanyakan sungai merupakan nadi kehidupan kepada masyarakat di sekitar, khususnya di kawasan pedalaman.

#### JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemantauan kualiti air sungai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2011, sungai-sungai yang tercemar dalam Kelas Empat adalah seperti berikut:-

- i. Sg. Air Baloi, Sg. Pinggan, Sg. Danga, Sg. Perembi, Sg. Buluh, Sg. Kempas, Sg. Ayer Merah, Sg. Sanglang, Sg. Bala dan Sg. Sengkuang di negeri Johor; dan
- ii. Sg. Jawi, Sg. Pertama, Sg. Kereh, Sg. Pinang, Sg. Jelutong dan Sg. Dondang di negeri Pulau Pinang.

Manakala sungai tercemar dalam Kelas Lima adalah hanya Sg. Tukang Batu di negeri Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil pelbagai tindakan untuk menangani isu pencemaran sungai seperti berikut:-

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal pencemaran dari punca-punca tetap (***point sources***) termasuk program penguatkuasaan mengikut lembangan sungai;
- ii. Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya premis-premis di bawah kawal selia PBT dikenakan syarat untuk mengadakan kawalan kumbahan dan sisa pepejal di punca serta

sistem rawatan di tempat masing-masing. Contohnya pemasangan Sistem Penapis Sisa Makanan untuk semua premis makanan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

- iii. Membina perangkap sampah dan perangkap kelodak di beberapa sungai;
- iv. Melaksanakan program 'Satu Negeri Satu Sungai' untuk memulihara dan mengembalikan sungai serta kawasan sekitarnya yang telah tercemar atau rosak (*degraded river*) kepada keadaan asalnya;
- v. Menjalankan kerja-kerja pemuliharaan sungai untuk meningkatkan kualiti air sungai dan seterusnya mengembalikan ekosistem sungai;
- vi. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala bagi memastikan sungai-sungai terpelihara, dan
- vii. Mempertingkatkan program-program kesedaran dan pendidikan mengenai kepentingan pemeliharaan sungai melalui program Bandar Lestari, Sekolah Lestari, Rakan Alam Sekitar, Wira Alam, Debat Alam Sekitar, *River Ranger* dan sebagainya serta mempromosikan kesedaran alam sekitar melalui bahan-bahan penerbitan seperti majalah Era Hijau dan Impak.

Tanggungjawab menjaga kebersihan sungai terletak di bahu semua pihak berkepentingan dan anggota masyarakat. Kerjasama dan

komitmen dari semua pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah penting untuk memastikan sungai-sungai di negara kita sentiasa bersih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT  
(PANDAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.06.2012**

**Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kriteria yang diambil kira dalam mempertimbangkan permohonan agar Pelabuhan Pulau Pinang diberikan status bebas cukai. Jika setuju, berapakah jumlah kutipan cukai dijangka boleh terhakis. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,  
Untuk makluman Yang Berhormat, konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud. Namun begitu, kini telah terdapat 5 buah Zon Bebas di Pulau Pinang iaitu:

**NO SOALAN :**

| Bil. | Nama Kawasan                                        | Aktiviti      |
|------|-----------------------------------------------------|---------------|
| 1.   | Zon Bebas Pelabuhan Pulau Pinang                    | Perdagangan   |
| 2.   | Zon Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas | Perdagangan   |
| 3.   | Zon Bebas Kompleks Kargo Udara Batu Maung           | Perdagangan   |
| 4.   | Zon Bebas Bayan Lepas                               | Perindustrian |
| 5.   | Zon Bebas Prai                                      | Perindustrian |



2. Memandangkan Pulau Pinang kini telah pun mempunyai beberapa zon bebas seperti tersebut di atas dan konsep pelabuhan bebas tidak lagi wujud, isu mempertimbangkan permohonan agar Pelabuhan Pulau Pinang diberikan status bebas cukai tidak lagi berbangkit Walau bagaimanapun, sekiranya Pelabuhan Pulau Pinang dipertimbangkan status bebas cukai, anggaran kutipan cukai yang akan terhakis adalah sebanyak RM780 juta setahun.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

|            |                              |
|------------|------------------------------|
| PERTANYAAN | LISAN                        |
| TARIKH     | 12 JUN 2012 (SELASA)         |
| DARIPADA   | TUAN LIM GUAN ENG<br>[BAGAN] |

### SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebabnya Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis atau IPCMC tidak ditubuhkan agar ia dapat memastikan tindakan diambil ke atas keganasan polis memukul peserta-peserta Bersih 3.0 dan juga hampir 20 wartawan dan jurugambar pada 28 April 2012 atau keengganan polis bertindak ke atas para demonstrasi di depan rumah Pengerusi Bersih, Datuk Ambiga.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah laku Polis atau IPCMC tidak perlu ditubuhkan kerana Kerajaan telah mewujudkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Suruhanjaya Integriti) iaitu sebuah badan bebas telah ditubuhkan selaras dengan kuat kuasanya Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] pada 1 April 2011.

Akta ini juga telah digubal berasaskan pendekatan seperti yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini adalah satu cara untuk memastikan undang-undang, peraturan dan prosedur dipatuhi bukan sahaja oleh PDRM tetapi juga oleh 18 agensi kerajaan yang tersenarai di dalam jadual kepada Akta 700.

Antara fungsi -fungsi Suruhanjaya ini adalah:



- (a) menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan Persekutuan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;
- (b) merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;
- (c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;

Selain itu, Suruhanjaya Integriti ini juga mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar orang ramai tampil untuk membuat aduan kepada Suruhanjaya Integriti bagi Suruhanjaya ini menyiasat dan menentukan salah laku yang dilakukan dalam mana-mana juga insiden.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
  
KAWASAN : TELOK KEMANG  
TARIKH : 12 JUN 2012 (SELASA)

**SOALAN:**

YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapa begitu ketara peningkatan kos pembinaan lebuh raya di Malaysia yang menyebabkan purata kos pembinaan lebuh raya sepanjang 1 kilometer bernilai RM1 juta.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos pembinaan lebuh raya adalah berbeza-beza dan ia ditentukan oleh faktor-faktor seperti lokasi dan jajaran sesuatu lebuh raya (dalam bandar / antara bandar), ciri- ciri reka bentuk lebuh raya (*at grade*, struktur bertingkat, terowong dan bilangan jumlah lorong), kaedah pembinaan, harga bahan binaan/upah buruh/loji, jenis dan kaedah rawatan tanah, dan sebagainya.

Anggaran kos projek pembinaan lebuh raya akan diteliti oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal di bawah Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) yang diurusetikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Di samping, Kerajaan juga mengadakan Makmal Pengurusan Nilai (*value management*) untuk memastikan Kerajaan menerima pulangan yang optimum dan nilai terbaik untuk wang (*value for money*) sebelum sesuatu perjanjian konsesi dimuktamadkan. Berdasarkan kepada indeks harga semasa, secara amnya anggaran kos untuk pembinaan lebuh raya untuk setiap kilometer di negara ini ialah antara RM15 juta hingga RM50 juta, tertakluk kepada ciri-ciri reka bentuk lebuh raya itu. Manakala untuk Jalan Persekutuan pula, anggaran kos pembinaan jalan mengikut piawaian reka bentuk JKR R3 (*2 lanes single carriageway*) ialah antara RM6 juta hingga RM8 juta setiap kilometer.

Oleh itu andaian bahawa kos purata untuk membina lebuh raya di negara ini ialah sebanyak RM1 juta setiap kilometer adalah tidak tepat,

sebaliknya kos projek pembinaan projek ditentukan dengan berdasarkan kepada faktor-faktor seperti yang telah dinyatakan di atas.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
:  
KAWASAN SIBUTI  
TARIKH 12 JUN 2012 (SELASA)

**SOALAN:**

YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (**SIBUTI**) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian sedar Jalan Persisir Miri - Bekenu - Sepupok - Bintulu dalam keadaan gelap. Adakah Kementerian bercadang untuk memasang lampu jalan sepanjang jalan ini; dan
- (b) semakin banyak lori-lori yang menggunakan Jalan Persisir Miri ini membahayakan kenderaan kecil. Apakah tindakan wajar yang perlu diambil memandangkan mereka mempunyai Jalan Miri - Bintulu di bawah Persekutuan yang boleh digunakan.

**JAWAPAN:**

(Jawapan a & b)



Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persisiran Miri - Bekenu - Sepupok- Bintulu sepanjang hampir 80 kilometer ialah merupakan laluan jalan berstatus Jalan Negeri. Jalan itu tidak termasuk di bawah skop penyelenggaraan oleh syarikat konsesi yang dilantik Kerajaan Persekutuan, sebaliknya ia diselenggara oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri menerusi peruntukan *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS). Sehubungan itu, cadangan pemasangan lampu jalan di sepanjang laluan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya bersedia untuk membantu memberikan khidmat kepakaran teknikal jika diperlukan oleh Kerajaan Negeri.

Mengenai isu jalan tersebut yang sering digunakan oleh kenderaan berat berbanding Jalan Persekutuan Pan Borneo Miri - Bintulu sedia ada, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menetapkan sebarang larangan penggunaan awam, kecuali ia diwartakan menerusi Perintah Larangan Kenderaan Berat atau Perintah Had Beban Muatan. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan Kerajaan yang lain, seperti pihak Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sarawak untuk memastikan undang-undang lalu-lintas sentiasa dipatuhi, termasuk aspek penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan yang melebihi had berat muatan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 JUN 2012 (SELASA)

DARIPADA : Y.B DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB  
[MARAN)

SOALAN

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha dan bantuan serta perancangan pihak Kementerian dalam membantu dan menyelesaikan masalah bangunan-bangunan komersial yang terbengkalai di mana pemaju-pemaju tersebut telah gulung tikar.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemajuan bangunan-bangunan komersil secara amnya tidak menggunakan peruntukan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Buat masa ini, hanya pemajuan bangunan komersil yang mempunyai ciri-ciri perumahan seperti pangsapuri servis (***service apartment***), rumah kedai dan juga Small Office, Home Office (SOHO) sahaja yang dilesenkan oleh Kementerian. Manakala, lain-lain pemajuan bangunan komersil adalah di bawah kawalselia/ pemantauan pihak berkuasa negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan yang meluluskan projek berkenaan.

Pihak Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara juga sentiasa memantau prestasi semua pemajuan-pemajuan yang dilesenkan di bawah Akta 118 ini. Sehubungan dengannya, bagi pemajuan bangunan komersil berlesen yang bermasalah, dimana pemaju telah gulung tikar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia/pelikuidasi swasta bagi

membantu memulihkan projek perumahan yang terbengkalai. KPKT akan bertindak sebagai **mediator** bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta pihak pembiaya. Pihak Kerajaan juga ada menyediakan suntikan dana bagi membantu pemaju penyelamat untuk memulihkan projek-projek bermasalah dengan keutamaan diberikan kepada projek bermasalah kos rendah dan kos sederhana rendah.

Bagi membantu para pembeli pula, Kementerian telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:-

(A) Pengeluaran **surat pengesahan projek perumahan terbengkalai** kepada pembiaya kewangan (**end-financier**) bagi unit rumah berkaitan. Melalui surat pengesahan ini, pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:-

- (i) Memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan **pengurangan kadar faedah** dan **penstrukturan semula pinjaman perumahan**;
- (ii) Memohon pertimbangan daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi permohonan pengeluaran kali

kedua; dan

- (iii) Bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan Kerajaan pula, mereka boleh mendapatkan kemudahan sama ada pertimbangan untuk:-
  - (a) membatalkan pinjaman sedia ada dan diberi peluang untuk memohon pinjaman baru iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama; atau
  - (b) diberi pertimbangan untuk menangguhkan kenaikan faedah pinjaman pada kadar 4% sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana-mana yang terdahulu).

Walau bagaimanapun, semua perkara di atas adalah tertakluk kepada penilaian institusi pembiaya ke atas peminjam-peminjam yang berkenaan berdasarkan merit setiap kes.

(B) Sekiranya pihak pembiaya tidak memberikan sebarang bantuan atau kerjasama, pembeli rumah boleh membuat aduan kepada Kementerian dan aduan tersebut akan dipanjangkan ke Bank Negara Malaysia untuk

tindakan selanjutnya.

(C) Kementerian juga turut membantu pembeli rumah untuk berbincang dengan pihak pembiaya bagi penyambungan pinjaman atau penambahan jumlah pinjaman setelah pemaju penyelamat telah dikenalpasti dan kerja-kerja pemulihan telah dijalankan.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISA  
N

DARIPADA

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]

TARIKH

12 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan usaha untuk mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang Sains di sekolah

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara di masa hadapan. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini bertujuan mengkaji punca serta penyelesaian kepada kemerosotan murid yang mengikuti aliran sains dan matematik terutama di sekolah. Jawatankuasa ini telah mengenal pasti 4 strategi mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang sains iaitu :

- (i) Memupuk minat pelajar dalam bidang sains;
- (ii) Memantapan kemahiran dan keupayaan dalam sains dan teknologi;

(iii) Mempromosi sains dan teknologi dalam pendidikan; dan

- (iv) Meningkatkan penyertaan murid dalam sains dan teknologi melalui pemberian insentif.

Setakat ini, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti untuk tujuan kadar penyertaan murid dalam bidang Sains ini tersebut, antaranya ialah:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan sains di peringkat sekolah;
- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains;
- iv. Menambahbaik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan sains; dan
- v. Menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam KSSR.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Contohnya dengan Akademi Sains Malaysia untuk meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate (hands-on)*; dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem *River Rangers*, *Science Action Team*, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

NO. SOALAN : 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

|                    |          |                                            |
|--------------------|----------|--------------------------------------------|
| DARIPADA<br>ANYAAN | PE<br>RT | LISAN                                      |
|                    |          | DR. HIEW KING<br>CHEU [ KOTA<br>KINABALU ] |

|        |             |
|--------|-------------|
| TARIKH | 12 JUN 2012 |
|--------|-------------|

|         |      |
|---------|------|
| RUJUKAN | 4785 |
|---------|------|

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa terdapat MyKad yang mempunyai

**JAWAPAN:**

tarikh luput, dan berapa banyak kad itu telah dikeluarkan.

**JAWAPAN:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dibawah Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan 3 jenis kad pengenalan mengikut peruntukan Peraturan 5(3), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara (PPN) 1990 iaitu:

1. Kad Pengenalan Biru yang dikenali sebagai MyKad dikeluarkan kepada penduduk yang bertaraf Warganegara Malaysia;
2. Kad Pengenalan Merah bertaraf 'Pemastautin Tetap' yang dikenali sebagai MyPR dikeluarkan kepada penduduk yang bukan warganegara tetapi bermastautin secara tetap di Malaysia; dan
3. Kad Pengenalan Hijau bertaraf 'Pemastautin Sementara' yang dikenali sebagai MyKAS dikeluarkan kepada seseorang yang memasuki Malaysia secara sah dan dibenarkan menetap di Malaysia melalui pas imigresen atau permit yang sah bagi tempoh dua belas bulan dan keatas; atau seseorang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan.

**JAWAPAN:**

Tarikh luput hanya terdapat pada MyKAS sahaja kerana kad pengenalan ini dikeluarkan kepada pemastautin sementara yang

mana tempoh sah lakunya tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pengeluaran kad. MyKAS juga dikeluarkan kepada pemohon tertakluk kepada sah laku pas atau permit imigresen yang membenarkannya untuk menetap di Malaysia melebihi 12 bulan. Mulai dari tahun 1960 sehingga 31 Mei 2012 sebanyak 1,313 MyKAS telah dikeluarkan kepada Pemastautin Sementara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]

TARIKH 12 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah benar dakwaan sumber-sumber berita BERNAMA TV terutama bagi saluran Berita Mandarin diambil daripada Malaysiakini, *Malaysian Insider* dan Harakah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

BERNAMA TV tidak pernah menggunakan berita daripada blog atau portal seperti Malaysiakini, ***Malaysian Insider*** atau Harakah.

Sumber berita BERNAMA TV bagi keempat-empat bahasa sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil diperolehi daripada dua (2) sumber iaitu liputan yang dibuat oleh pemberita penyiaran BERNAMA TV di seluruh negara (termasuk

pemberita sambilan) dan juga daripada BERNAMA *Newswire* yang diterbitkan oleh pewarta BERNAMA. *Newswire* ini juga disalurkan kepada semua media di Malaysia termasuk stesen TV yang lain. Bagi berita antarabangsa, BERNAMA TV mendapat sumber dari AFP dan Reuters.

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN AMRAN BIN AB GHANI  
[ TANAH MERAH ]

TARIKH

12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI  
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- (a) kenapakah pasukan Kelantan tidak mendapat hak penyiaran secara langsung di tv swasta Astro pada setiap kali perlawanan Liga Super; dan
- (b) pasukan Lion XII sentiasa diberi keistimewaan mendapat tempat siaran langsung di Astro, adakah kerana mendapat bayaran yang lebih.

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Hal-hal berhubung liputan siaran acara sukan nasional merupakan perkara yang tidak dilarang mahupun ditetapkan jumlahnya dalam

Syarat Khas Lesen CASP-I yang terpakai ke atas Astro serta lain-lain Pemegang Lesen CASP-I.

Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada Astro, pada permulaan musim, Astro telah menstrukturkan supaya setiap pasukan mendapat siaran secara langsung dengan tujuan memberikan pendedahan dan kepentingan kepada semua pasukan. Menjelang akhir musim liga, siaran perlawanan secara langsung tertumpu kepada pasukan-pasukan yang mempunyai peluang cerah untuk menjuarai Piala Liga Super seperti Kelantan, Terengganu, Singapura dan Negeri Sembilan. Sepanjang musim Liga Super ini, didapati bahawa pasukan Kelantan adalah di antara pasukan yang kerap disiarkan perlawanannya secara langsung.

Selain Astro, terdapat lain-lain stesen penyiar yang turut membuat liputan Kejuaraan Liga Super dan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) percaya bahawa kesemua pasukan telah diberikan jumlah liputan siaran yang sewajarnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

BAGI JAWAB LISAN  
Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]

TARIKH

12 Jun 2012 (Selasa)

SOALAN

99

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan:

- (a) Apakah perkembangan terkini penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang dan pihak manakah yang mendapat kontrak PPSB ini; dan
- (b) Adakah projek pengerukan Pelabuhan Pulau Pinang dijadikan sebagai satu syarat dalam kontrak.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. Rundingan dengan pihak syarikat mengenai perjanjian penswastan masih dijalankan.

Salah satu syarat yang akan dimasukkan dalam Perjanjian Penswastan adalah supaya syarikat yang berjaya menanggung kos kerja-kerja pengerukan Pelabuhan Pulau Pinang.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]

TARIKH : 12JUN2012

SOALAN Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan kontrak dan kakitangan tetap di Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), tahap gaji kontrak, serta bayaran PEMANDU untuk Perkhidmatan Perunding.

DRAF JAWAPAN : (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) mempunyai sebanyak 94 kakitangan kontrak dan 36 kakitangan tetap bagi menjalankan tugas pemantauan program-program GTP dan ETP.

Gaji dan elaun pengarah-pengarah PEMANDU adalah di dalam kumpulan JUSA C dan JUSA B dengan tambahan 'premium' sebanyak lebih kurang 20 peratus di atasnya, oleh kerana ramai pegawai PEMANDU dilantik dari syarikat-syarikat milik Kerajaan (GLC) secara pinjaman dan sektor swasta secara kontrak,

selain daripada penjawat awam. Di samping itu, pegawai PEMANDU diupah dengan kontrak jangka pendek sebanyak 2 atau 3 tahun sahaja yang membawa kepada risiko jaminan pekerjaan yang tinggi. Begitu juga bagi pegawai-pegawai PEMANDU yang lain seperti penolong pengarah, penganalisa dan sebagainya.

Anggaran bagi perbelanjaan operasi PEMANDU bagi tahun 2012 untuk pelaksanaan GTP dan ETP adalah sebanyak RM40 juta. Peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan emolumen, bekalan ataupun perkhidmatan dan aset. Bekalan ataupun Perkhidmatan termasuk bayaran perkhidmatan profesional untuk menjalankan makmal, penerbitan buku, penggunaan media dan komunikasi bagi



program GTP dan ETP. Aset adalah terdiri daripada komputer dan peralatan pejabat.

Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), sebanyak 8 makmal selama 6 minggu yang melibatkan lebih 300 peserta telah diadakan untuk mengubah program bagi enam (6) NKRA dengan perbelanjaan sebanyak RM7 juta. Untuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula, telah menjalankan sebanyak 12 makmal NKEA selama 8 minggu yang melibatkan lebih 500 peserta. Sebanyak 7 syarikat juru perunding dilantik untuk membantu mengendalikan makmal-makmal tersebut. Perbelanjaan keseluruhannya adalah sebanyak RM16 juta.

Perbelanjaan tersebut merangkumi pembayaran kepada beberapa syarikat juru runding, penginapan dan penyewaan lokasi dan kemudahan mengendalikan makmal-makmal tersebut serta perbelanjaan-perbelanjaan kecil yang lain. Setiap syarikat juru perunding menghantar 3-6 orang pakar. Jumlah yang dibayar kepada syarikat-syarikat konsultan ini dapat dijustifikasikan dengan kejayaan dan impak tinggi yang diperoleh untuk membantu rakyat Malaysia setakat ini, sepertimana yang dapat dilihat dalam laporan-laporan tahunan Program Transformasi Kerajaan 2010 dan 2011.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**YB. TUAN FONG KUI LUN [  
BUKIT BINTANG ]**

**SELASA, 12 JUN 2012**

**TARIKH RUJUKAN**

**03 [PR-1252-L49527]**

**SOALAN**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan prestasi perniagaan di pusat-pusat penjaja China Town Jalan Petaling, Kuala Lumpur, di Jalan Melayu dan Little India di Brickfields, Kuala Lumpur dan apakah cadangan untuk membuka pusat-pusat penjaja baru bagi menempatkan golongan penjaja yang tidak berpeluang berniaga di kawasan tersebut.



Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, lokasi perniagaan di Jalan Melayu, Little India dan Petaling Street merupakan kawasan perniagaan yang telah dinaiktaraf oleh pihak kerajaan. Penambahbaikan yang telah dilaksanakan di ketiga-tiga tempat tersebut telah mewujudkan satu suasana perniagaan yang kondusif kepada para penjaja dan kemudahan pengunjung. Malahan, ketiga-tiga kawasan penjaja ini telah menarik perhatian pengunjung tempatan dan luar negara untuk membeli belah.

Melalui inisiatif baik kerajaan inilah, prestasi perniagaan penjaja telah dapat ditingkatkan berbanding prestasi sebelum ianya ditambahbaik. Ini terbukti dengan jumlah bilangan pelesen di ketiga-tiga kawasan yang mencecah seribu (1,000) orang dan bilangan permohonan yang berterusan dan banyak diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjaja di kawasan-kawasan tersebut.

Memandangkan kawasan dan tapak yang terhad, penjaja-penjaja yang tidak berjaya mendapat tempat untuk berniaga di ketiga- tiga kawasan tersebut akan dipertimbangkan untuk ditawarkan memasuki pusat-pusat penjaja sekitar Kuala Lumpur yang masih kosong, antaranya Pusat Penjaja Pudu Sentral/ Pusat Penjaja

Terminal Bas Selatan (TBS), Keramat Mall dan Pusat Penjaja Batu Bata.

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO.101

DARIPADA

DATUK TIONG THAI KING  
[LANANG]

TARIKH

12JUN 2012

SOALAN:

DATUK TIONG THAI KING (LANANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pemilih baru dalam Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya yang didaftar dari bulan Januari hingga Mei 2012 mengikut kaum di negara kita.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai bilangan pendaftaran pemilih yang baru mendaftar sehingga Mei 2012 mengikut pecahan kaum. Walau bagaimanapun, jumlah permohonan pendaftaran pemilih baru dari 1 Januari 2012 sehingga 31 Mac 2012 mengikut pecahan negeri seperti mana Daftar Pemilih Terkini sehingga Suku Tahun Pertama 2012 yang

**SOALAN NO.101**

diwartakan pada 7 Jun 2012, adalah seperti pada Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

| NEGERI       | JUMLAH PENDAFTARAN<br>BARU |
|--------------|----------------------------|
| Perlis       | 2,319                      |
| Kedah        | 19,347                     |
| Kelantan     | 20,294                     |
| Terengganu   | 11,766                     |
| Pulau Pinang | 14,442                     |

**SOALAN NO.101**

| NEGERI                                          | JUMLAH PENDAFTARAN<br>BARU |
|-------------------------------------------------|----------------------------|
| Perak                                           | 25,717                     |
| Pahang                                          | 15,226                     |
| Selangor                                        | 46,142                     |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur &<br>Putrajaya | 16,057                     |
| Negeri Sembilan                                 | 12,267                     |
| Melaka                                          | 8,752                      |
| Johor                                           | 34,027                     |
| Sabah & W.P Labuan                              | 31,691                     |
| Sarawak                                         | 26,056                     |
| JUMLAH                                          | 284,103                    |

Sekian, terima kasih.

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA  
MALAYSIA

JUN 2012  
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJIKAMARUDIN BIN JAFFAR

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT,       MALAY  
(TUMPAT)**

PERTANYAAN     : LISAN

TARIKH           : 12.06.2012

Y.B. DATO' HAJI KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perkembangan terkini cadangan penswastaan Keretapi Tanah Melayu (KTM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

yfrt-thk--“fn-ak-j^d-mxi-R

memuktamadkan cadangan untuk menswastakan KTM. Walau bagaimanapun, bagi tujuan memperkasakan KTM supaya lebih cekap dan berkesan terutamanya dari aspek kewangan dan operasi, Kerajaan telah memberi kebenaran kepada pihak MMC Corporation Berhad (MMC) untuk melaksanakan kelekurian wajar {*due diligence*) bagi menilai dan mencadangkan kepada Kerajaan model perniagaan baru KTM yang *commercially viable and feasible*. Kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Kerajaan untuk penelitian dan pertimbangan sewajarnya. Dalam hal ini, Kerajaan sehingga kini masih belum membuat sebarang komitmen berhubung dengan cadangan yang akan dikemukakan oleh MMC berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH [KOTA BHARU]

TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN:

DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH minta  
PERDANA MENTERI menyatakan adakah Akta Pilihanraya 1958  
dan Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 akan dipinda sebelum PRU-  
13 nanti.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang  
untuk meminda sebarang rang undang-undang yang berkaitan  
dengan pilihan raya sehingga Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan  
datang.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ 12

TARIKH

JUN 2012 (SELASA)

SOALAN

NO. 104

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan peiajar perubatan yang diambil masuk kepada setiap satu universiti awam dan swasta dalam tahun 2010 dan 2011 dan berikan pecahan mengikut tiap universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010, kemasukan peiajar bidang perubatan di IPTA adalah seramai 7,239 orang dan pada tahun 2011 pula adalah seramai 7,764 orang. Kemasukan peiajar di IPTS pada tahun 2010 adalah seramai 20,798 orang dan pada tahun 2011 adalah seramai 9,380 orang.

IPTA yang mempunyai kemasukan peiajar perubatan tertinggi pada tahun 2011 adalah UiTM, diikuti oleh USM, UKM dan UIAM. Manakala kemasukan tertinggi di IPTS pula adalah di Universiti Terbuka Malaysia, diikuti oleh Allianze University College Of Medical Sciences (AUCMS) dan Kolej Universiti Nilai.



PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DARIPADA PE LISA  
ANYAAN DEWAN N  
RAKYAT Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]  
TARIKH 12 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan status permohonan untuk membuka balik Sekolah Menengah Persendirian Cina di Kuantan dan Segamat. Sama ada Kerajaan Pusat akan membenarkan pembukaan dan penubuhan SMPC yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pendidikan adalah berdasarkan peruntukan perundangan iaitu Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Oleh itu, permohonan membuka Sekolah Menengah Persendirian Cina di Kuantan dan Segamat akan diteliti berdasarkan peruntukan di bawah akta berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      LISAN

DARIPADA                      Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE    NIK [ SIK ]

TARIKH                          12 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan kemampuan server Kementerian bagi ujian PSELT amat perlahan dan kadangkala berlaku “*server breakdown*” terlalu lama, guru terpaksa mengakses laman web ini. Tempoh yang diberi juga terhad (7 hingga 10 minit sekali) menyebabkan ramai guru gagal melaksanakan program ini. Apakah komen Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek rintis analisis keperluan latihan bagi guru Bahasa Inggeris telah dilaksanakan pada 7 hingga 10 Mei 2012 bagi empat negeri termasuk negeri Kedah. Dua instrumen telah diguna pakai iaitu soal selidik *Pedagogy Standards for English Language Teachers* (PSELT) dan ujian *Cambridge Placement Test* (CPT) secara atas talian. Masa yang diperuntukkan untuk melengkapkan ujian CPT ialah 30 minit. Tiada had masa untuk PSELT namun ia biasanya boleh disiapkan dalam masa kira-kira 40 minit.

Pada hari kedua projek tersebut, iaitu pada 8 Mei 2012, telah terjadi insiden ‘*server breakdown*’ di pihak Cambridge ESOL di United Kingdom. Kejadian itu telah memberikan masalah kepada guru-guru untuk mengakses laman web tersebut. Walau bagaimanapun Cambridge ESOL telah memperbetulkan



masalah itu dan tiada lagi gangguan dialami pada 9 dan 10 Mei 2012. Selepas diperbetulkan, 84% guru telah berjaya melaksanakan ujian CPT. Bagi PSELT, projek ini dijalankan secara berterusan dan guru boleh mengakses secara sendiri pada bila-bila masa.

NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

SOA

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

LAN

:

DARIPADA

Y.B. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

12.06.2012

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ] minta MENTERI  
KEWANGAN

menyatakan kadar pertumbuhan ekonomi dan inflasi sekarang. Apakah faktor-faktornya dan usaha untuk menampung ekonomi.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prestasi ekonomi negara terus berkembang meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar terutamanya kelembapan pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat dan krisis hutang kerajaan di Eropah yang masih berlarutan. Perangkaan terkini ekonomi menunjukkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan 4.7% dalam tempoh suku pertama

2012 setelah merekodkan 5.1% bagi keseluruhan tahun 2011. Pencapaian ynag menggalakkan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh, terutamanya didorong oleh perbelanjaan pengguna swasta yang tinggi dan aktiviti pelaburan yang rancak.

2. Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan positif. Perkembangan ini disokong oleh kerancakkan aktiviti ekonomi dalam negeri serta perdagangan intraserantau yang masih menggalakkan. Sektor pembinaan mencatat

pertumbuhan memberangsangkan (15.5%) dipacu oleh aktiviti pembinaan sektor swasta dan projek pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh. Disamping itu sektor perkhidmatan turut meningkat kukuh (5.0%), pembuatan (4.2%) dan pertanian (2.1%) tersebut dalam tempoh yang sama. Selain daripada itu, sektor perlombongan kembali pulih (0.3%) setelah mengalami pertumbuhan negatif selama enam suku tahun berturut-turut, disokong oleh peningkatan semula pengeluaran minyak mentah.

3. Dari sudut permintaan, penggunaan swasta merupakan penyumbang utama ekonomi, meningkat kukuh 7.4%, disumbang oleh pendapatan boleh guna yang tinggi berikutan pasaran buruh yang menggalakkan, harga komoditi yang stabil dan prestasi pasaran saham yang kukuh. Sementara itu, penggunaan awam berkembang 5.9%, berikutan perbelanjaan emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pelarasan gaji bagi penjawat awam. Perbelanjaan pelaburan swasta mencatatkan pertumbuhan sebanyak 19.8% berikutan keyakinan yang berterusan oleh pelabur tempatan dan asing. Kecergasan ekonomi turut disokong oleh peningkatan hasil eksport negara sebanyak 4.4% meskipun dalam keadaan ekonomi global dan perdagangan dunia masih tidak menentu.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha merancakkan lagi aktiviti pelaburan, Kerajaan sedang berusaha gigih termasuk melaksanakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Sehingga 28 Mei 2012, sebanyak 131 inisiatif telah diumumkan daripada 83 projek permulaan (EPP) yang menarik pelaburan bernilai RM199.6 bilion. Selain itu, kemasukkan pelaburan langsung asing (FDI) juga sangat menggalakkan dengan peningkatan sebanyak 24.9% kepada RM36.6 bilion pada tahun 2011 dan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM7.5 bilion dalam tempoh suku pertama 2012. Usaha-usaha ini akan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan kesan daripada ketidaktentuan sektor luar.

5. Dengan keadaan ekonomi negara terus berkembang dalam tempoh suku pertama 2012, kadar inflasi negara pula meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.3% berbanding 3.2% bagi keseluruhan 2011. Kadar

inflasi yang rendah ini mencerminkan juga keupayaan Kerajaan dalam melaksana program pengawalan harga bagi makanan keluaran utama terutamanya pada musim perayaan. Perkembangan ini turut disokong oleh peningkatan kos pengeluar yang lebih rendah dalam tempoh yang sama terutamanya kos komponen berkaitan komoditi.

6.

P

ada masa yang sama, Kerajaan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Antaranya ialah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bantuan persekolahan kepada semua peiajar sekolah rendah dan menengah dan pemberian baucar buku kepada semua peiajar warganegara Malaysia di IPTA dan IPTS. Selain daripada itu, Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) yang diperkenalkan oleh Kerajaan turut membantu dalam meringankan kos perbelanjaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

7.

U

ntuk makluman, perkembangan ekonomi dunia yang diunjurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), menunjukkan kadar semakan pertumbuhan untuk 2012 yang lebih tinggi iaitu daripada 3.3% pada bulan Januari kepada 3.5% pada bulan April yang terkini. Semakan perdagangan dunia juga meningkat daripada 3.8% kepada 4.0%. Dengan mengambil kira perkembangan baru ini serta disokong oleh usaha-usaha Kerajaan dalam merencanakan ekonomi domestik, saya yakin ekonomi negara dijangka terus berkembang mengikut sasaran pada kadar 4% hingga 5% bagi keseluruhan tahun ini.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATO' LILAH BIN YASIN  
KAWASAN : JEM POL  
TARIKH : 12 JUN 2012 (SELASA)

SOALAN:

YB. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL) minta MENTERI KERJA RAYA

menyatakan:-

- (a) bilakah projek *Bahau By-Pass* akan dimulakan; dan
- (b) berapakah implikasi kos yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jalan Pintasan Bahau, Negeri Sembilan (*Bahau By-Pass*) merupakan antara projek yang sememangnya telah dikenal pasti dan disyorkan oleh Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP), Semenanjung Malaysia untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10.

Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru 2 lorong 2 hala (*single*

**(a & b)**

*carriageway*) sepanjang 7 kilometer dengan reka bentuk piawaian JKR R5 dari Jalan Bahau - Kuala Pilah (FT13) ke Jalan Bahau - Gemas (FT10) melalui Mahsan, Jempol. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM90 juta, termasuk kos reka bentuk dan pengambilan balik tanah. Cadangan projek berkenaan telah dipohon kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* ke-2, RMKe-10. Namun demikian, ia tidak tersenarai sebagai antara projek baru yang diluluskan Kerajaan untuk tempoh tersebut. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dan mengemukakan justifikasi permohonan projek ini dalam tempoh *Rolling Plan* ke-3, RMKe- 10.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO: 109

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN: LISAN**

DARIPADA: Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH: 12 JUN 2012

SOALAN:

**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesan yang akan berlaku selepas pelaksanaan penetapan gaji minimum Kerajaan kepada sektor pekerjaan di negara ini dan berapakah nilai keseluruhan peningkatan dalam pembayaran sektor upah dan penggajian di dalam negara kita.

PR-1252-L49849

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, melalui pelaksanaan gaji minimum nanti, akan wujud satu system gaji yang dijamin oleh undang-undang di mana pekerja-pekerja sektor swasta akan mendapat sekurang-kurangnya gaji minimum berdasarkan kepada Kajian Bank Dunia mengenai Gaji Minimum di Malaysia, penetapan kadar gaji minimum yang munasabah dijangka akan meningkatkan

gaji secara keseluruhan. Penetapan gaji ini akan menarik penyertaan ramai ke dalam pasaran buruh terutamanya di kalangan warga tempatan dan ini seterusnya dapat meningkatkan tahap guna tenaga di negara ini.

2. Pelaksanaan gaji minimum sudah tentunya akan mengakibatkan kos menggajikan pekerja asing meningkat yang mana selain dari gaji minimum, majikan perlu juga membayar levi kepada Kerajaan, menyediakan tempat tinggal pengangkutan serta membayar agen bagi membawa masuk pekerja asing. Menerusi pelaksanaan gaji minimum, majikan dijangka tidak lagi menggajikan pekerja asing sebaliknya secara langsung akan mendorong majikan menggaji pekerja tempatan dan secara berperingkat dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

3. Berdasarkan Kajian Guna Tenaga Kebangsaan tahun 2009 yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia, terdapat kira-kira 63% pekerja sektor swasta di Sabah, 48% pekerja di Sarawak dan 27% pekerja di semenanjung Malaysia menerima gaji kurang daripada RM700 sebulan. Ini bermakna sebilangan besar pekerja sektor swasta di Sabah dan Sarawak akan menerima manfaat langsung daripada pelaksanaan gaji minimum.

4. Dengan pelaksanaan gaji minimum, adalah dijangkakan pendapatan kira-kira 40% pekerja sektor swasta akan dapat ditingkatkan ke suatu tahap yang lebih baik yang secara langsung akan meningkatkan kualiti hidup pekerja dan keluarga serta masyarakat

secara keseluruhannya.

5. Berasaskan kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara, gaji minimum pada kadar RM800 sebulan akan menyebabkan peningkatan langsung dalam pembayaran upah dan penggajian yang dianggarkan sebanyak RM298.7 juta sebulan atau 9.5 peratus di sektor swasta.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

|              |                                                        |
|--------------|--------------------------------------------------------|
| PERTANYAAN : | SOALAN<br>LISAN                                        |
| DARIPADA     | TUAN GOBALAKRISHNAN A/L<br>NAGAPAN<br>[ PADANG SERAI ] |
| TARIKH       | 12 JUN 2012                                            |

Tuan Gobalakrishnan A/L Nagapan [ Padang Serai ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:-

Jumlah syarikat yang telah diberi lesen bagi mengendalikan bas ekspres dan syarikat-syarikat yang telah ditamatkan lesen mereka. Apakah kaedah pemantauan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan Syarikat-Syarikat Bas Ekspres mematuhi segala langkah keselamatan dan undang undang yang telah ditetapkan.



SOALAN NO: 111

~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~  
PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

TARIKH: 12 JUN 2012

SOALAN:

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status pelaksanaan Skim Pampasan Pemberhentian Pekerja bagi menjaga kebajikan pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh majikan dan berapakah jumlah pekerja terlibat dan jumlah dana yang telah diberi.

PR-1252-L49746

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Sumber Manusia sedang menjalankan kajian terperinci mengenai pelaksanaan Skim Insurans Pemberhentian Kerja (SIPK).
2. Bagi tujuan kajian SIPK ini, Kementerian telah melantik perunding daripada ***International Labour Organisation*** (ILO) untuk menjalankan kajian terperinci mengenai pelaksanaan sistem ini yang menekankan kepada konsep caruman bersama pihak majikan dan pekerja. Kajian tersebut telah dimulakan pada bulan Februari 2012 dan jangka masa kajian adalah selama 8 bulan. Kajian ini adalah

melibatkan penyertaan penuh perwakilan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Kajian ini juga akan menentukan skop perlindungan, cakupan dan jenis pekerja yang akan dirangkumi, kadar caruman, jumlah serta kaedah pembayaran faedah dengan mengambil kira faktor-faktor seperti keadaan ekonomi negara, daya persaingan industri negara, tahap produktiviti serta memastikan para pekerja yang diberhentikan mendapat perlindungan dan bantuan kewangan yang sewajarnya sehinggalah mereka memperolehi pekerjaan yang tetap.

3. Oleh yang demikian, pertanyaan Yang Berhormat berkaitan berapakah jumlah pekerja terlibat dan jumlah dana yang telah diberi perkara ini akan dimuktamadkan setelah proses kajian yang dijalankan pada masa sekarang selesai sepenuhnya.

SOALAN NO: 113

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT